

"HADIS yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu :  
 "Barang siapa berpuasa pada bulan Ramadan dengan  
 sungguh-sungguh beriman dan ikhlas kerana Allah semata-mata,  
 nescaya diampuni Allah dosa-dosanya yang terdahulu".  
 (Hadis Riwayat Imam al-Bukhari)

# BERANGKAT KE MAJLIS BERTAHLIL ANJURAN YSHHB

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin  
 Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 26 Februari. - Bersempena bulan Ramadan, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) pagi tadi mengadakan Majlis Bertahlil bagi Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam; Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul

Rahman; dan Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah bertempat di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong, di sini.

>> Muka 3



**DULI** Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Pengerusi Jemaah Tadbir Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) berkenan berangkat ke Majlis Bertahlil berkenaan.



## Berita Utama

**MELATIH** belia menguasai, hayati nilai seni Islam

Muka 12

BAGI KELAHIRAN BIASA

WARNA KAD PENGENALAN		WARGANEGARA ANAK SEMASA LAHIR	KELAYAKAN
BAPA	IBU		
KUNING	KUNING	RAKYAT BRUNEI	LAYAK
KUNING	UNGU (STATELESS)	RAKYAT BRUNEI	LAYAK
KUNING	UNGU (WNA)	RAKYAT BRUNEI	LAYAK
KUNING	HUJAU	RAKYAT BRUNEI	LAYAK
UNGU (STATELESS)	KUNING	STATELESS	LAYAK
UNGU (STATELESS)	UNGU (STATELESS)	STATELESS	LAYAK
UNGU (STATELESS)	UNGU (WNA)	STATELESS	LAYAK
UNGU (STATELESS)	HUJAU	STATELESS	LAYAK
UNGU (WNA)	KUNING	WARGANEGARA ASING	LAYAK*
UNGU (WNA)	UNGU (STATELESS)	WARGANEGARA ASING	LAYAK*
UNGU (WNA)	UNGU (WNA)	WARGANEGARA ASING	TIDAK LAYAK
UNGU (WNA)	HUJAU	WARGANEGARA ASING	TIDAK LAYAK

**SKIM** Tabungan Anak Damit berkuat kuasa 1 Mac ini

Muka 18

**MEMUPUK** budaya organisasi berakauntabiliti, inklusif dalam PA

Muka 25

**RENCANA**

**SUNNAH** berbuka puasa dengan kurma

Muka 28

# Peluang menikmati sungkai bertemakan Arab

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 27 Februari. - Orang ramai berpeluang menikmati pengalaman menjamu selera bertemakan Arab yang unik menerusi Acara 1001 Malam Arab yang Penuh Mistikal : Pengalaman Kuliner bersama Chef Ammar (1001 Mystical Arabian Night with Chef Ammar) yang berlangsung dari 25 Februari hingga 11 Mac 2026 di Open

Plaza, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB).

Acara berprestij ini menampilkan cef bertaraf antarabangsa, Chef Ammar, dengan konsep makan dalam khemah berinspirasi suasana Arab yang pertama seumpamanya di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Sehubungan itu, Majlis Pelancarannya disempurnakan bersama oleh tetamu-tetamu khas, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato

Paduka Awang Haji Othman, selaku Penasihat Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Perbadanan TAIB serta Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah selaku Penasihat Perbadanan TAIB.

>> Muka 4

# KHEDN semarakkan Majlis Tadarus Istana Nurul Iman

Oleh : Nooratini Haji Abas

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 27 Februari. - Majlis Tadarus Malam-malam Bulan Ramadan bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi di Istana Nurul Iman bagi malam kesembilan terus diadakan secara berasingan di Surau Istana Nurul Iman dengan kehadiran kira-kira 700 orang.

Hadir pada majlis berkenaan, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman.

Majlis dimulakan dengan menunaikan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah, Sembahyang Sunat Tarawih dan Sembahyang Sunat Witir Berjemaah.

Seterusnya, majlis juga diserikan dengan tazkirah bertajuk 'Hidupkan Bulan Ramadan Dengan Asmaul Husna : Ar-Rahim (Yang Maha Penyayang)', masing-masing disampaikan oleh Awang Haji Muskrisman Safari bin Haji Mustapa di ruangan jemaah lelaki, manakala di ruang jemaah perempuan disampaikan oleh Dr. Norhazerah binti Baha.

Majlis diteruskan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, disusuli dengan bacaan Tadarus Al-Quran dan kemudian diakhiri dengan bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

>> Muka 4

**Memperkuh** ekosistem keusahawanan, membangunkan keupayaan jangka panjang PMKS

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman

**BERAKAS**, Khamis, 26 Februari. - Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (Brunei Economic Development Board - BEDB) hari ini melancarkan Brunei MSME Festival 2026 Edisi Ramadan di Setia Point, sekali gus menyediakan akses pasaran yang lebih tersusun, peluang jualan serta rangkaian eksport kepada Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) di negara ini.

>> Muka 6

## Memperkukuh sektor sumber utama, pelancongan ke arah ekonomi lestari, mampan

Bismillahir Rahmanir Rahim.  
Alhamdulillah Rabbil 'Alameen,  
Wasaalatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil  
Mursaleen, Saidina Muhammadin  
Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajama'een.  
Assalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh dan Selamat Pagi.

**A**LHAMDULILLAH bersyukur kita ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat dan hidayah-Nya jua, kita semua dapat berkumpul beramai-ramai di Sesi Muzakarah pada pagi ini.

Terlebih dahulu peramba / kaola / saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas peluang yang diberikan kepada Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) untuk membentangkan perkembangan, pencapaian serta hala tuju strategik sektor-sektor utama negara yang berada di bawah tanggungjawab kementerian ini, iaitu sektor pertanian dan agrimakanan, perikanan, perhutanan serta pelancongan.

Kehadiran Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) di dalam platform muzakarah ini untuk sama-sama berkongsi pandangan dan mencambah buah fikiran demi menandai dan menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, untuk mencapai ekonomi negara yang terus berkembang maju dan sentiasa bertumbuh serta dipelbagaikan adalah amat dihargai.

Sektor-sektor di bawah kendalian

KSSUP ini bukan sahaja menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi, bahkan memainkan peranan yang amat kritikal dalam menjamin sekuriti makanan, kelestarian sumber hutan, peluang pekerjaan, serta imej dan daya saing Negara Brunei Darussalam di peringkat serantau dan antarabangsa.

Menyedari peranan dan sumbangan sektor-sektor tersebut, KSSUP akan secara berterusan memperkukuh lagi usaha dengan menyemak strategi-strategi, memperkenalkan kaedah dan pendekatan baharu mengikut keperluan semasa untuk melaksanakan pembaikan-pembaikan dan perubahan berterusan serta berkesan dalam melaksanakan inisiatif, program dan projek strategik kementerian.

Seperti yang telah dimaklumi melalui Sidang Permesyuaratan MMN dan sesi muzakarah sebelum ini, pendekatan yang diambil oleh kementerian ini masih lagi tertumpu kepada tiga fokus utama seperti berikut, Pertama - Meningkatkan Keluaran Industri Sumber-Sumber Utama dan Agrifood; Kedua - Mendukung Kemajuan dan Pembangunan Industri Pelancongan; dan Ketiga - Memperkukuh Usaha Dalam Pembangunan Pemuliharaan Sumber Hutan.

Bagi Fokus Pertama - Meningkatkan Keluaran Industri Sumber-Sumber Utama dan Agrifood, sejajar dengan Food Industry Roadmap yang telah dirangka, pelbagai program dan inisiatif telah dirangka, bukan saja bagi meningkatkan keluaran dari industri *primary* sektor makanan seperti hasil dari industri ternakan, tanaman dan perikanan bahkan usaha juga turut dilipatgandakan bagi membangunkan

dan mengembangkan lagi industri *secondary* iaitu keluaran dari aktiviti-aktiviti industri pemprosesan dan nilai tambah berasaskan pertanian dan perikanan atau agrimakanan.

Tahun demi tahun kita dapat menyaksikan peningkatan keluaran secara keseluruhan, termasuk kejayaan mencapai tahap sara diri melebihi 100 peratus bagi ayam pedaging dan telur serta pertumbuhan kukuh dalam sektor perikanan. Walaupun terdapat pencapaian yang menggalakkan ini, usaha kementerian masih terus dipergiatkan dalam pengukuhan ekosistem *value chain* bagi membina sistem Sekuriti Makanan yang berdaya tahan, terutama sekali bagi beberapa komoditi strategik seperti beras dan daging lembu, ikan, udang dan juga makanan berproses. Usaha-usaha ini meliputi gabungan pengeluaran tempatan strategik, kepelbagaian sumber import, kerjasama serantau, serta pelaburan dalam teknologi, pemprosesan hiliran serta pengukuhan biosekuriti.

Dalam konteks ini, inisiatif eksport yang sedang digerakkan, termasuk kerjasama dengan Republik Singapura, Republik Rakyat China, Republik Filipina, Republik Korea dan negara-negara serantau adalah sebahagian daripada strategi jangka sederhana untuk meletakkan industri tempatan ke dalam rantaian nilai serantau dengan pematuhan piawai halal, keselamatan makanan dan pensijilan antarabangsa.

Bagi Fokus Kedua, sektor pelancongan pula, usaha-usaha kementerian ini adalah bagi mendukung Kemajuan dan Pembangunan Industri Pelancongan



**MENTERI** Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin semasa berucap pada Sesi Muzakarah Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) bersama Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara pada Selasa, 20 Januari 2026 yang berlangsung di Dewan Setia Pahlawan KSSUP.

di negara ini dengan memfokuskan kepada pembangunan, pengukuhan serta mempromosikan produk-produk pelancongan berteraskan kebudayaan (*culture*), pengembaraan / aktiviti lasak (*adventure*) dan juga alam semula jadi (*nature*) ke arah memastikan industri pelancongan berkualiti tinggi, bernilai tinggi dan mampan serta meningkatkan jumlah kedatangan pelancong ke negara ini.

>> Muka 7

WAKTU SEMBAHYANG										
FEBRUARI MASHI	HARI	RAMADAN HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
28	SABTU	10	5.05	5.15	6.32	6.55	12.34	3.50	6.33	7.43
1 MAC	AHAD	11	5.04	5.14	6.32	6.54	12.34	3.50	6.33	7.43
2	ISNIN	12	5.04	5.14	6.32	6.54	12.34	3.49	6.33	7.43
3	SELASA	13	5.04	5.14	6.31	6.54	12.33	3.49	6.33	7.43
4	RABU	14	5.04	5.14	6.31	6.53	12.33	3.48	6.33	7.42
5	KHAMIS	15	5.03	5.13	6.31	6.53	12.33	3.48	6.33	7.42
6	JUMAAT	16	5.03	5.13	6.30	6.53	12.33	3.47	6.33	7.42

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
RABU	KHAMIS	JUMAAT	
Bandar Seri Begawan 32 25 °C	32 25 °C	32 25 °C	
Pekan Bangar 32 25 °C	32 25 °C	32 25 °C	
Pekan Tutong 32 25 °C	32 25 °C	32 25 °C	
Kuala Belait 32 25 °C	32 25 °C	32 25 °C	

Wallahuatam Bissawab  
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi  
www.mef.gov.bn

## SIDANG PENGARANG 28 FEBRUARI 2026

### Meraih kesempurnaan ibadah puasa

**A**LHAMDULILLAH, kita bersyukur ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dipanjangkan umur dan diberi kesempatan bertemu lagi dengan bulan Ramadan. Bulan Ramadan merupakan bulan yang padanya terdapat limpahan berkat dan rahmat. Segala macam kelebihan dan kebajikan terkumpul dan dilipatgandakan ganjarannya di bulan yang suci lagi mulia ini.

Walaupun kita sentiasa dituntut supaya meningkatkan amal ibadah pada setiap masa, namun Ramadan merupakan bulan yang sangat istimewa dan waktu yang terbaik untuk melipatgandakan amalan yang biasa kita kerjakan di bulan-bulan yang lain. Maka alangkah ruginya seorang Muslim itu jika dia tidak merebut segala kelebihan dan kebajikan yang terdapat dalam bulan Ramadan yang hadir setahun sekali itu. Oleh itu, bagi meraih kesempurnaan ibadah puasa, terdapat adab-adab yang perlu dijaga ketika menjalani ibadah puasa.

Pertama, mengawal dan menutup pandangan mata daripada melihat perkara-perkara yang diharamkan oleh syarak dan daripada melihat perkara-perkara yang boleh melalaikan hati daripada mengingati Allah Subhanahu Wata'ala. Kedua, menutup telinga daripada mendengar perkara-perkara yang diharamkan supaya tidak tergolong ke dalam golongan orang-orang yang suka mendengar berita bohong dan perkara sia-sia.

Ketiga, kita perlu menjaga lidah daripada mengeluarkan kata-kata yang tidak berfaedah seperti berbual kosong, lebih-lebih lagi kita semua dituntut supaya menjaga lidah daripada mengeluarkan kata-kata yang diharamkan seperti mengumpat, berdusta, menyebarkan fitnah dan seumpamanya. Keempat, memelihara seluruh anggota yang lain seperti tangan, kaki dan sebagainya daripada melakukan perkara-perkara yang haram dan tidak berfaedah.

Begitu juga pada malam hari di bulan Ramadan, kita dituntut untuk menghidupkan malam-malam Ramadan dengan amalan-amalan sunat seperti Sembahyang Sunat Tarawih, memperbanyakkan membaca Al-Quran, Sembahyang Tahajud dan bermacam-macam lagi. Walau bagaimanapun, dalam keterujaan kita memperbanyakkan amal ibadah sama ada pada waktu malam ataupun siang, janganlah sampai kita mengabaikan perkara-perkara asasi seperti kerja-kerja pejabat.

Sesungguhnya ibadah puasa itu boleh membentuk kekuatan, kuat berusaha dan kerajinan di dalam perbuatan mahupun pekerjaan dan bukannya kelemahan, kemalasan dan alasan untuk lari daripada tanggungjawab.

Marilah kita berusaha mempertingkatkan amal ibadah kita di sepanjang bulan Ramadan ini dan berazam agar amalan yang kita kerjakan di bulan ini akan berterusan di bulan-bulan yang lain. Kita juga berdoa semoga kita tergolong dalam kalangan orang-orang yang ikhlas dalam membuat amal kebajikan dan segala amalan kita diterima oleh Allah Subhanahu Wata'ala. *Amin Ya Rabbal Alamin.* – **Ketua Penyuntingan (Ad)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دتریتکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتری دان دجیتق اوله قرینت قلس سنیدیرین برحد، نگاربرونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

# Berangkat ke Majlis Bertahlil anjuran YSHHB



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Pengerusi Jemaah Tadbir Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) berkenan berangkat ke Majlis Bertahlil berkenaan (atas). Manakala gambar bawah kiri dan bawah kanan, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik berkenan menjurus Aying Asah-asahan ke atas makam Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman.



Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof, selaku Ahli Jemaah Tadbir YSHHB; Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof, selaku Pengerusi Lembaga Pengarah YSHHB; dan Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, selaku Timbalan Pengerusi Lembaga Pengarah YSHHB.

Bacaan Yaa Siin dan Tahlil diketuai oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Metassan bin Haji Tahir.

Juga hadir, Ahli-ahli Lembaga Pengarah YSHHB; Ahli-ahli Lembaga Pemegang Amanah Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-anak Yatim; pegawai-pegawai dan kakitangan YSHHB, Ahli-ahli Alumni Sultan's Scholar YSHHB, pelajar - pelajar Sekolah Menengah YSHHB; sukarelawan YSHHB dan penduduk Kampung Bolkiah 'A' dan Kampung Bolkiah 'B'.

Majlis berkenaan adalah salah satu daripada aktiviti tahunan YSHHB di bulan Ramadan.

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin  
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

>> Muka 1

Berangkat pada majlis berkenaan ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji

Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Pengerusi Jemaah Tadbir YSHHB.

Menjunjung keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ialah Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato

DULI Yang Teramat Mulia berkenan menjurus Aying Asah-asahan ke atas makam Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.



DYTM berkenan menerima junjung ziarah daripada para pelajar (kanan).



ANTARA Timbalan Menteri yang hadir pada majlis berkenaan (kanan sekali).



# Peluang menikmati sungkai bertemakan Arab



>> Muka 1

Juga hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Sepanjang acara ini berlangsung, pengunjung bakal disajikan hidangan autentik Timur Tengah dalam suasana malam penuh mistik, sekaligus mewujudkan pengalaman gastronomi yang berbeza di tengah-tengah ibu negara.

Selain menawarkan pilihan makan di lokasi (*dine-in*), acara ini turut menyediakan perkhidmatan bawa pulang dan penghantaran melalui aplikasi DST serta GoMamam, bagi

memudahkan orang ramai menikmati sajian yang disediakan.

Lebih daripada sekadar acara kuliner, inisiatif ini turut memberi penekanan kepada pembangunan bakat tempatan. Kira-kira 80 peratus tenaga kerja yang terlibat, merangkumi pasukan perkhidmatan dan dapur, terdiri daripada anak tempatan.

Chef Ammar juga akan mengendalikan sesi latihan kulineri dan perkhidmatan secara berstruktur kepada pekerja tempatan sebagai usaha perkongsian ilmu bagi memperkukuh industri hospitaliti dan makanan dan minuman (F&B) negara.

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



Sebagai sebahagian daripada kempen Taste of Brunei, acara ini direka sebagai perhimpunan mesra keluarga dan berteraskan komuniti yang mencerminkan nilai kebersamaan, kemurahan hati dan berkongsi kegembiraan.

Gabungan keunikan gastronomi dengan suasana damai serta latar budaya ibu kota dijangka menarik kehadiran penduduk tempatan dan pelancong serantau untuk merasai sendiri kehangatan hospitaliti tempatan.

Acara berkenaan dianjurkan oleh KWB Sdn. Bhd. dengan kerjasama PAR Food & Beverage Sdn. Bhd. serta

KiddieWhoops Company sebagai rakan sokongan strategik, dan berkolaborasi bersama Kompleks YSHHB.

Ia turut mendapat sokongan TAIB Group termasuk TAIB, Insurans Islam TAIB, Darussalam Holdings dan TAIB Filling Station; DST; BYD; DENZA oleh Maju Motors; Royal Brunei Airlines; Waqqas Trading Company serta Ideal.

Menurut Pengarah Urusan KWB Sdn. Bhd., Awang Haji Suhaimi bin Pehin Orang Kaya Laila Utama Dato Paduka Haji Awang Haji Jaya, acara ini menandakan satu pencapaian penting dalam industri penganjuran acara di negara ini

MAJLIS Pelancarannya disempurnakan bersama oleh tetamu-tetamu khas, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama selaku Penasihat Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) dan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Perbadanan TAIB serta Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II selaku Penasihat Perbadanan TAIB (kiri sekali). Manakala gambar kiri, antara yang hadir menjamu selera makanan yang dihidangkan.

dengan memperkenalkan konsep santapan bertemakan Arab yang tersendiri sambil memupuk bakat tempatan dan memperkukuh keupayaan industri.

"Melalui 1001 Mystical Arabian Night with Chef Ammar, kami bukan sahaja ingin menawarkan pengalaman menjamu selera yang tidak dapat dilupakan, malah memberi peluang memperkasa bakat tempatan serta mewujudkan ruang yang mesra untuk keluarga dan pengunjung," jelas beliau.

Orang ramai adalah dialu-alukan ke 1001 Mystical Arabian Night with Chef Ammar bermula pukul 2.30 petang setiap hari, manakala perkhidmatan sungkai bermula pukul 6.00 petang.

## KHEDN SEMARAKKAN MAJLIS TADARUS ISTANA NURUL IMAN



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri hadir pada Majlis Tadarus Malam-malam Bulan Ramadan bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi di Istana Nurul Iman (atas). Sementara gambar kanan, antara jemaah perempuan yang hadir pada majlis tersebut di ruang jemaah perempuan.

Oleh : Nooratini Haji Abas  
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

>> Muka 1

Juga hadir, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat, Ketua Kampung Subok dan Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, juga Ketua Kampung Putat, Daerah Brunei dan Muara; Setiausaha Tetap (Keselamatan dan Kesejahteraan)

Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Awang Salminan bin Haji Burut; Setiausaha Tetap (Perbandaran dan Daerah) KHEDN, Awang Abdul Walid bin Haji Matassan; Timbalan Setiausaha Tetap (Keselamatan dan Kesejahteraan), KHEDN, Dayang Nor Hamidah binti Haji Hamidon; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar, Korporat dan Perancangan), KHEDN, Dayang Siti Norashikin binti Mohd. Salleh; pegawai-pegawai dan kakitangan dari KHEDN dan Kementerian Hal Ehwal Ugama.

**كمتريڤن كصحيڤتڤن**  
KEMENTERIAN KESIHATAN  
MINISTRY OF HEALTH

**Selamatkan Usus Awda.**  
*Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.*

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa\* Doktor awda hari ini atau layari [www.ppkk.gov.bn](http://www.ppkk.gov.bn)



PENGESANAN AWAL DAPAT MENYELAMAT NYAWA

*Selamatkan Usus Awda*

\*Sasaran pemeriksaan:  
Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.



## SEMAI ASPIRASI KEMERDEKAAN, FAHAMI MAKNA KEDAULATAN NEGARA



**YANG** Berhormat Menteri Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat pada Forum Khas Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan (HK) Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-42, Tahun 2026 bertempat di Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam. Turut hadir semasa Forum Khas tersebut ialah Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku Pengerusi-pengerusi Bersama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun HK NBD Ke-42, Tahun 2026 (atas), manakala gambar atas kanan, Forum Khas ini diadakan adalah untuk menyemai aspirasi kemerdekaan bagi memastikan generasi masa kini memahami makna kedaulatan negara dengan lebih mendalam.

Oleh : Nooratihi Haji Abas

Foto : Hernie Suliana Haji Othman, Arifah Mohammad Aliwaridi

**TUNGKU LINK**, Rabu, 25 Februari. - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan Kementerian Pendidikan selaku



ANTARA yang hadir pada forum berkenaan.

Darussalam (NBD) Ke-42, Tahun 2026 bertempat di Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam (UBD).

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh.

Turut hadir semasa Forum Khas tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad, selaku Pengerusi - pengerusi Bersama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun HK NBD Ke-42, Tahun 2026.

Antara tujuan Forum Khas ini diadakan adalah untuk menyemai aspirasi kemerdekaan bagi memastikan generasi masa kini memahami makna kedaulatan negara dengan lebih mendalam.

Selain itu, Forum Khas ini turut memberi penekanan kepada Wawasan 2035 dengan mengetengahkan perjalanan pembangunan ekonomi, sosial, dan kerohanian negara, di samping memperkasa generasi baharu dalam memupuk semangat patriotisme serta penghargaan terhadap kemajuan yang telah dicapai.

Forum Khas ini dimulakan dengan nyanyian Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan', diikuti dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Universiti, UBD, Awang Abdul Muhaimin bin Dr. Haji Serbini.

Acara kemudiannya diteruskan dengan tayangan klip video khas yang memaparkan wawancara eksklusif bersama tokoh pemimpin dan sejarawan negara mengenai perjuangan kemerdekaan serta pengalaman mereka dalam menyaksikan pembangunan



negara pasca 1984.

Kemuncak acara ini ialah Sesi Panel Forum Khas yang dimudah cara oleh Penolong Ra'es III (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Dr. Awang Haji Mohammad Shahrol Azmi bin Haji Abdul Muluk.

Forum khas tersebut menampilkan empat orang ahli panel terdiri daripada para pegawai kanan dan tenaga akademik dalam bidang-bidang yang berkaitan ekonomi, pendidikan dan sosial bagi membincangkan hala tuju negara dalam konteks pembangunan pasca kemerdekaan serta aspirasi masa hadapan NBD, iaitu Pemangku Pengarah Dasar dan Strategi Tenaga, Jabatan Perdana Menteri (JPM), Dayang Noor Dina Zharina binti Haji Yahya; Pemangku Pengarah Perancangan Ekonomi dan Statistik, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Dayangku Norhanidah binti Pengiran Haji Masshor; Penolong Profesor, Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Kementerian Pendidikan, Dayang Dr. Dayang Hajah Ummi Fa'izah binti Haji Abdul Rahman dan Pegawai

Tugas-Tugas Khas Tingkat II, Jabatan Hal Ehwal Syariah, KHEU, Awang Muhammad Yusoff bin Haji Abdul Majid.

Acara turut diserikan dengan persembahan deklamasi sajak oleh pelajar Master of Teaching di UBD, Awang Muhammad Firdaus bin Awang Abdul Sani.

Sajak yang dipersembahkan bertajuk 'Lewat Gerbang Kemerdekaan' yang merupakan sebuah karya sastera hasil ciptaan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Turut hadir di acara tersebut ialah Timbalan-timbalan Menteri dari JPM dan KHEU; Setiausaha-setiausaha Tetap dari JPM, Kementerian Pertahanan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, KHEU, Kementerian Kesihatan, Kementerian Pendidikan dan KKBS; Naib-naib Canselor dan Rektor; Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap dari Kementerian Kewangan dan Ekonomi, KHEU, Kementerian Kesihatan, Kementerian Pendidikan dan KKBS; para belia dari agensi kerajaan dan persatuan-persatuan belia; para pelajar dari institusi-institusi pengajian tinggi awam dan swasta; serta para pelajar dari sekolah-sekolah menengah dan pusat-pusat tingkatan enam.

## KKBS adakan Majlis Bertadarus Al-Quran



**KAMPUNG PULAIE**, Jumaat, 27 Februari. - Dalam menyemarakkan lagi bulan Ramadan yang penuh keberkatan ini, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) serta jabatan-jabatan di bawahnya telah mengadakan Majlis Bertadarus Al-Quran di Masjid Kampung Pulaie, baru-baru ini.

Majlis ini dikendalikan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan Pusat Sejarah Brunei (PSB) dengan kerjasama Jawatankuasa

Takmir Masjid, Masjid Kampung Pulaie, Daerah Brunei dan Muara.

Majlis Tadarus Al-Quran dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah secara beramai-ramai yang diketuai oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad.

Kemudian, majlis diteruskan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran secara bergilir-gilir serta disusuli dengan bacaan Doa Khas bagi Kesihatan dan Kesejahteraan

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, yang dibaca oleh Imam Tingkat I, Masjid Kampung Pulaie, Awang Muhammad Arif bin Haji Johari.

Majlis ini diteruskan lagi dengan penyampaian wakaf kepada Imam Masjid Kampung Pulaie dan diakhiri dengan menunaikan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah.

Turut hadir, Setiausaha Tetap,



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir pada Majlis Bertadarus Al-Quran di Masjid Kampung Pulaie (atas dan kiri).

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

pengarah-pengarah bahagian dan jabatan, pegawai dan kakitangan KKBS dan jabatan-jabatan di bawahnya dan jemaah Masjid Kampung Pulaie, Daerah Brunei dan Muara.

Majlis Tadarus Al-Quran merupakan antara program keagamaan tahunan yang diadakan pada setiap bulan Ramadan yang diungkuhkan oleh KKBS dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Penganjuran majlis ini bertujuan untuk memperkukuhkan penghayatan terhadap Al-Quran di samping mengeratkan tali silaturahim dalam kalangan para pegawai dan kakitangan Kementerian serta jemaah masjid dan seterusnya bagi meraih keberkatan serta ganjaran pahala yang berlipat ganda daripada Allah Subhanahu Wata'ala sepanjang bulan yang penuh rahmat ini.

# KEMENTERIAN KESIHATAN ADAKAN MAJLIS BERTADARUS AL-QURAN



**YANG** Berhormat Menteri Kesihatan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Bertadarus Al-Quran (Bacaan Juz 1-6) yang diselenggarakan dengan Bacaan Tahlil dan Doa Arwah dan seterusnya penyampaian derma kepada anak-anak yatim sempena bulan Ramadan (kanan dan atas).

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

**TUTONG**, Khamis, 26 Februari. - Kementerian Kesihatan petang tadi mengadakan Majlis Bertadarus Al-Quran (Bacaan Juz 1-6) yang diselenggarakan dengan Bacaan Tahlil dan Doa Arwah dan seterusnya penyampaian derma kepada anak-anak yatim sempena bulan Ramadan pada

tahun ini bertempat di Surau As-Salam, Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah (PMMPMHAMB), di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin



Haji Jaafar.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan turut menyampaikan sumbangan derma kepada empat orang anak yatim yang terdiri daripada anak-anak warga kakitangan Hospital PMMPMHAMB, diiringi oleh Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Hospital PMMPMHAMB, Dayang Hajah Siti Hasrainah binti Haji Md. Hassan selaku Pengerusi Majlis.

Majlis Bertadarus ini adalah merupakan salah satu aktiviti keagamaan tahunan yang diadakan secara bergilir di hospital di keempat-empat daerah di negara ini dalam sama-sama menyemarakkan lagi bulan Ramadan yang penuh rahmat.

Selain itu, melalui majlis seumpama ini juga dapat mengeratkan lagi hubungan silaturahim di antara warga Kementerian Kesihatan dengan

warga Hospital PMMPMHAMB.

Turut hadir pada majlis tersebut, Pemangku Setiausaha Tetap, Kementerian Kesihatan, Dr. Dayang Hajah Rafidah binti Haji Gharif; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pengurusan), Pengiran Mohammad Khiruddin bin Pengiran Haji Yusoff; ketua-ketua jabatan serta pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Kesihatan.

## Memperkukuh ekosistem keusahawanan, membangunkan keupayaan jangka panjang PMKS



**YANG** Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II merangkap Pengerusi BEDB hadir pada perasmian Brunei MSME Festival 2026 Edisi Ramadan di Setia Point (atas dan bawah kanan).

>> Muka 1

Berlangsung dari 26 Februari hingga 1 Mac 2026, festival empat hari berkenaan menghimpunkan lebih 140 perniagaan tempatan menerusi 190 reruai jualan yang mewakili sektor berasaskan pengguna seperti makanan dan minuman, fesyen, penjagaan diri, kediaman dan gaya hidup, perkhidmatan serta jenama baharu yang sedang meningkat naik.

Platform berkenaan direka bagi menangani tiga aspek penting dalam pertumbuhan PMKS, iaitu penajanaan hasil, pembangunan keupayaan dan peluasan pasaran. Para peserta berpeluang menguji produk, memperhalusi strategi harga, berinteraksi secara langsung dengan pelanggan serta membina rangkaian komersial dalam suasana runcit yang berpusat.

Sehubungan itu, majlis perasmianya disempurnakan oleh Menteri di Jabatan Perdana

Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, merangkap Pengerusi BEDB.

Pengarah Pembangunan Perusahaan BEDB, Dayang Norlela binti Suhailee dalam ucapan alu - aluannya, menegaskan bahawa festival berkenaan bukan sekadar aktiviti komersial jangka pendek atau acara jualan semata-mata.

Jelasnya, Brunei MSME Festival merupakan usaha strategik untuk memperkukuh ekosistem keusahawanan serta membangunkan keupayaan jangka panjang PMKS kita, dan membolehkan mereka berinovasi, meningkatkan daya saing, membina kerjasama strategik dan meletakkan diri untuk penyertaan pasaran yang lebih luas.

Beliau seterusnya menambah bahawa seiring dengan kematangan ekosistem perusahaan di Negara Brunei

Darussalam (NBD), jangkaan terhadap PMKS juga perlu berubah. Perusahaan masa kini perlu lebih produktif, celik digital dan berpandangan ke luar.

"Melalui inisiatif seumpama ini, BEDB berhasrat mewujudkan persekitaran yang kondusif bagi membolehkan perniagaan berkembang secara mampan serta menyertai dengan lebih aktif bukan sahaja di pasaran domestik, malah di peringkat serantau dan global.

"Sejak diperkenalkan pada 2019, Brunei MSME Festival telah menghimpunkan lebih 800 pempamer, menjana jualan terkumpul melebihi BND1 juta serta menarik lebih 90,000 pengunjung.

"Edisi Ramadan tahun ini juga diadakan bertepatan dengan peningkatan perbelanjaan pengguna menjelang Hari Raya, sekali gus membolehkan PMKS mengoptimumkan hasil jualan sambil memperkukuh kesiapsiagaan operasi dan pendekatan penglibatan pelanggan," katanya.

Dayang Norlela selanjutnya menjelaskan selaras dengan usaha memperluas eksport dan pengantarabangsaan PMKS tempatan, festival berkenaan turut menampilkan Program Pembeli Jemputan (Hosted Buyer Programme) yang bertujuan menghubungkan pengeluar tempatan dengan permintaan pasaran serantau.

Dengan penyertaan pembeli antarabangsa dari Republik Indonesia, Malaysia dan Timur Tengah tambahannya lagi, inisiatif berkenaan diharap dapat meningkatkan penyertaan PMKS dalam rangkaian nilai serantau serta mempelbagaikan sumber pendapatan di luar pasaran domestik.

Melalui sesi padanan

Oleh : Hajah Siti Zuraiha Haji Awang Sulaiman

Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

perniagaan yang dijadualkan katanya, para peserta berpeluang berinteraksi secara langsung dengan pendedahan praktikal terhadap keperluan eksport dan pertimbangan perniagaan rentas sempadan.

"Bagi mempercepatkan pendigitalan perusahaan, festival ini turut mengintegrasikan penyelesaian pembayaran tanpa tunai serta memperkenalkan komponen Jualan Langsung Dalam Talian.

"Inisiatif ini membolehkan pempamer memproses transaksi dengan lebih cekap, meluaskan capaian pelanggan di luar lokasi fizikal serta memperkukuh keupayaan perdagangan digital sejajar dengan perubahan tingkah laku pengguna.

"Pendekatan ini mengukuhkan penggunaan digital dan kesiapsiagaan kewangan sebagai asas penting daya saing jangka panjang perusahaan," ujarnya.

Dayang Norlela seterusnya mengongsikan dalam usaha

menyokong kepelbagaian ekonomi negara selaras dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035, pengukuhan keupayaan PMKS kekal menjadi teras kepada peranan BEDB dalam membina ekonomi yang dinamik dan mampan.

"Melalui platform seperti Brunei MSME Festival, BEDB terus memangkin pertumbuhan perusahaan, meningkatkan penyertaan tempatan dalam rangkaian nilai, menggalakkan transformasi digital serta menyediakan peluang tersusun untuk perniagaan berkembang secara bertanggungjawab," ujarnya lagi.

Orang ramai adalah dialu-alukan mengunjungi Brunei MSME Festival 2026 Edisi Ramadan dari jam 10.00 pagi hingga 10.00 malam setiap hari sehingga 1 Mac 2026 di Setia Point.

Untuk maklumat lanjut, layari laman sesawang [www.bedb.gov.bn](http://www.bedb.gov.bn) atau ikuti [@bruneimsmefestival](https://www.instagram.com/bruneimsmefestival) di laman media sosial Instagram.



# TAZKIRAH SERIKAN MALAM TADARUS AL-QURAN

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



**YANG** Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II hadir pada Majlis Bertadarus Malam-malam Bulan Ramadan bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi (kanan). Sementara gambar atas, antara yang hadir pada majlis berkenaan.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 25 Februari. - Kira-kira 700 warga Kementerian Kewangan dan Ekonomi menyertai Majlis Bertadarus Malam-malam Bulan Ramadan bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi di Surau, Istana Nurul Iman, yang diadakan bagi malam ketujuh.

Hadir pada majlis tersebut ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Turut hadir, Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid.

Sementara itu, di ruangan jemaah perempuan pula, hadir



ialah Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal), Yang Mulia Pengiran Datin Seri Paduka Hajah Zety Sufina binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani.

Majlis dimulakan dengan menunaikan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah, seterusnya Sembahyang Sunat Witir dan Sembahyang Sunat Tarawih Berjemaah.

Tazkirah bertajuk 'Hidupkan

Bulan Ramadan dengan Asmaul Husna : Al-Ghafur (Yang Maha Pengampun)' turut menyerikan lagi acara berkenaan, masing-masing disampaikan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Awang Haji Hazimin bin Haji Metali di ruangan jemaah lelaki, manakala Pegawai Perkembangan Ugama, PDI, Dayang Nurul 'Ain binti Mohd. Redzuan@Jasmona anak

Janteang pula di ruangan jemaah perempuan.

Kemudian, majlis disusuli dengan bacaan Tadarus Al-Quran dan seterusnya majlis ditutup dengan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Turut hadir, pegawai dan kakitangan dari Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta pegawai dan guru agama dari Jabatan Pengajian Islam.

## HALUAN

>> Muka 2

Inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan selaras dengan pelaksanaan Pelan Hala Tuju Industri Pelancongan 2024-2035 sedang dipacu melalui pendekatan *industry-led, government enabled*, dengan pendekatan kepada : Pengukuhan kesalinghubungan udara dan serantau; Pembangunan produk berteraskan alam semula jadi, budaya, pengembaraan, Islamik dan MICE; Peningkatan kualiti perkhidmatan, tenaga kerja dan standard kebersihan; Serta penyediaan infrastruktur yang selamat, mesra pelancong dan berdaya komersial.

Dalam semua inisiatif ini prinsip *quality over quantity* terus menjadi pegangan utama negara.

Seterusnya, bagi Fokus Ketiga, dalam sektor perhutanan, KSSUP akan terus komited dalam memastikan keperluan serta kepentingan terhadap Pembangunan dan Pemuliharaan Sumber Hutan dapat dipenuhi. Dalam perkara ini, pihak kementerian melalui Jabatan Perhutanan, akan terus memastikan agar usaha-usaha dalam membangun, melindungi serta memulihara sumber hutan negara akan dilaksanakan secara berterusan bagi memastikan aktiviti-aktiviti pembangunan negara adalah selaras dengan prinsip pembangunan yang mampan (*sustainable development*). Usaha-usaha ini termasuk pemuliharaan hutan, pensijilan, pembangunan industri hiliran mekanisme kayu serta penerokaan pasaran karbon sedang dilaksanakan secara berperingkat dengan asas perundangan, tadbir urus dan piawaian antarabangsa yang kukuh.

Dalam kesempatan ini juga, saya juga ingin menyentuh soal tenaga kerja yang masih bergantung kepada pekerja asing dalam beberapa subsektor. Justeru itu, usaha sedang dipergiat melalui pembangunan kompetensi, laluan kerjaya, penglibatan belia, serta penggunaan teknologi dan automasi bagi meningkatkan produktiviti dan menarik penyertaan rakyat tempatan secara mampan.

Kesemua berlandaskan inisiatif ini pendekatan dilaksanakan Whole of Government dan Whole of Nation, dengan kerjasama erat antara kementerian, agensi, sektor swasta, institusi kewangan, akademia dan komuniti.

Matlamat akhirnya adalah jelas untuk membina ekonomi sumber utama dan pelancongan yang : Kukuh dari segi sekuriti makanan; Berdaya saing di pasaran serantau; Lestari dari sudut alam sekitar; Inklusif dari sudut penyertaan rakyat; dan Menyumbang secara bermakna kepada kemakmuran di bawah Wawasan Brunei 2035.

Peramba / kaola / saya ingin menegaskan bahawa keupayaan negara dalam membangunkan ekonomi bukan hanya terletak pada usaha kerajaan sahaja tetapi juga bergantung kepada sokongan, inovasi dan daya saing sektor swasta serta rakyat keseluruhannya.

Peramba / kaola / saya tidak akan bercakap dengan panjang lebar lagi dan insyaaAllah, penerangan lanjut mengenai dengan pencapaian serta inisiatif-inisiatif dan perancangan kementerian ini akan dikongsikan dalam sesi taklimat kementerian nanti.

Di samping itu, peramba / kaola / saya mengalu-alukan cadangan serta idea-idea baharu serta saranan Yang Berhormat Ahli-ahli MMN dalam sesi ini, agar dapat sama-sama membantu menggerakkan dan memperkukuhkan dasar-dasar yang diterajui oleh kementerian ini demi kepentingan negara dan kesejahteraan rakyat. Semoga sesi ini akan memberikan manfaat kepada kita semua.

Sekian, *Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

## Majlis Bertadarus Bulan Ramadan di Istana Nurul Iman diteruskan



**YANG** Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi hadir pada Majlis Bertadarus Malam-malam Bulan Ramadan bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi (atas). Manakala gambar bawah, sebahagian jemaah perempuan yang hadir pada majlis tersebut.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Mohammad Hasif Matzin

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 26 Februari. - Majlis Bertadarus Malam-malam Bulan Ramadan bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi terus diadakan bagi malam kelapan dengan kehadiran kira-kira 700 orang warga Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri (KHELN), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) serta Majlis Perundingan Kampung (MPK) di dua tempat berasingan di Istana Nurul Iman.

Hadir pada majlis yang berlangsung di Surau Istana Nurul Iman, Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha.

Majlis dimulakan dengan menunaikan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah, seterusnya Sembahyang Sunat Witir dan Sembahyang Sunat Tarawih Berjemaah.

Tazkirah bertajuk 'Hidupkan Bulan Ramadan dengan Asmaul

Husna Al-Ghafur (Yang Maha Pengampun)' turut menyerikan lagi acara berkenaan, masing-masing disampaikan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Awang Muhammad Abdul Haziq bin Hanafi di ruangan jemaah lelaki, manakala Pegawai dari PDI, Dayang Zannatul Mardiah binti Awang Haji Sulaiman pula di ruangan jemaah perempuan.

Turut hadir menyerikan majlis di ruangan jemaah perempuan, Setiausaha Tetap, KHELN, Pengiran Datin Paduka Shazainah binti Pengiran Dato Paduka Shariffuddin.

Majlis kemudian disusuli dengan bacaan Tadarus Al-Quran dan diakhiri dengan bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Juga hadir pada majlis berkenaan, pegawai dan kakitangan dari KHELN, MTIC, dan Kementerian Pendidikan.



# BIBD RAMADHAN ECO-BAZAAR MENDUKUNG PEMBANGUNAN PMKS



PERASMIAN BIBD Ramadhan Eco-Bazaar tersebut disempurnakan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri selaku Pengerusi BIBD (atas), manakala gambar kanan, Yang Berhormat menyaksikan bazar berkenaan.



Oleh : Nooratini Haji Abas  
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 26 Februari. - Bank Islam Brunei Darussalam Berhad (BIBD) hari ini melancarkan BIBD Ramadhan Eco-Bazaar bertempat di Taman Mahkota Jubli Emas, di ibu negara, di sini. Perasmian BIBD Ramadhan Eco-Bazaar tersebut disempurnakan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman, selaku Pengerusi BIBD.

BIBD Ramadhan Eco-Bazaar,

yang terletak di BIBD Connects Taman Mahkota Jubli Emas, diadakan bermula dari 26 Februari hingga 15 Mac 2026.

Tahun ini, bazar ini juga diadakan bersempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-42 dan mengetengahkan lebih daripada 42 Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) tempatan, yang menawarkan pelbagai jenis makanan, minuman dan produk.

Bukan itu sahaja, bazar berkenaan turut menampilkan

pelbagai juadah tempatan serta suasana mesra dan penuh semangat kemasyarakatan di BIBD Connects, di mana keluarga dan rakan-rakan boleh berkumpul untuk berbuka puasa dan *bedudun* di luar rumah sambil menikmati keindahan persekitaran Taman Mahkota Jubli Emas.

Malahan bazar ini menyediakan ruang untuk orang ramai berbuka bersama dalam semangat Ramadan, mengimbau kembali saat-saat nostalgia dalam berkongsi juadah, dan mencipta kenangan baharu bersama orang tersayang dalam suasana yang

santai dan menenangkan.

Selain itu, bazar ini juga mempromosikan transaksi tanpa tunai, sejajar dengan visi BIBD terhadap ekonomi digital dan menyokong rangkuman kewangan dengan memperkenalkan

pelanggan dan peniaga kepada alat pembayaran digital yang mudah diakses. Dengan menggalakkan penggunaan pembayaran digital, BIBD bertujuan menjadikan transaksi lebih mudah dan selamat bagi kedua-dua penjual dan pelanggan.

Selaras dengan matlamat kelestarian BIBD, bazar ini juga bertujuan meningkatkan kesedaran mengenai amalan mesra alam.

Orang ramai digalakkan untuk membawa barangan boleh guna semula dan *ringkat* bagi menyokong pendekatan mampan inisiatif ini. Penjual juga digalakkan mengurangkan pembaziran, menggunakan pembungkusan mampan dan menawarkan produk yang mesra alam, bagi memperkukuhkan komitmen BIBD terhadap amalan perniagaan yang bertanggungjawab.

**TAHUN ini, bazar ini juga diadakan bersempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-42 dan mengetengahkan lebih daripada 42 Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) tempatan, yang menawarkan pelbagai jenis makanan, minuman dan produk.**

## BIBD, Takaful Brunei adakan Majlis Tahlil di Kubah Makam Diraja



Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi  
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

HADIR bersama rombongan berkenaan, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri juga selaku Pengerusi BIBD dan Syarikat Takaful Brunei (Takaful Brunei) (kiri), manakala gambar bawah kiri, antara yang hadir pada majlis berkenaan.



**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 26 Februari. - Kira-kira 250 pegawai dan kakitangan lelaki terdiri daripada warga Bank Islam Brunei Darussalam Berhad (BIBD) dan kumpulan syarikatnya serta Syarikat Takaful Brunei Darussalam Sdn. Bhd. (Takaful Brunei) mengimarahkan Majlis Tahlil di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong, hari ini.

Hadir bersama rombongan berkenaan, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman, juga selaku Pengerusi BIBD dan Syarikat Takaful Brunei (Takaful Brunei).

Bacaan Surah Yaa Siin dan

seterusnya Tahlil adalah khusus bagi ayahanda dan bonda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkhiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman serta paduka anakanda baginda, Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim.

Mengepalai bacaan Yaa Siin dan

Tahlil ialah Pegawai Hal Ehwal Masjid di Masjid Omar 'Ali Saifuddin, Awang Haji Hamdani bin Haji Gharif.

Turut hadir, Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif BIBD, Awang Junaidi bin Haji Masri, serta Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif Takaful Brunei, Awang Haji Shahrudin bin Pehin Orang Kaya Lela Utama Dato Paduka Haji Jaya.

Selain itu, Ahli-ahli Lembaga Pengarah Kumpulan BIBD dan Takaful Brunei serta Ahli-ahli Badan Penasihat Syariah Kumpulan BIBD dan Takaful Brunei, bersama pihak pengurusan dan kakitangan dari BIBD, BIBD Securities, BIBD At-Tamwil dan Takaful Brunei turut menghadiri majlis keagamaan yang merupakan program tahunan di bulan Ramadan yang Mubarak ini.

# 3,061 ANAK YATIM TERIMA SUMBANGAN



Oleh : Khartini Hamir  
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

**JERUDONG**, Rabu, 25 Februari. - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) dengan kerjasama Jabatan Daerah Brunei dan Muara, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dan Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) pagi tadi mengadakan Majlis Penyampaian Derma Anak-anak Yatim Peringkat Kebangsaan Bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi bertempat di

Dewan Dar-Al Intisar, Kompleks Sukan Jerudong.

Hadir selaku tetamu kehormat bersama bagi menyampaikan derma ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman, juga selaku Pengerusi Lembaga Pengarah BIBD dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad.



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyampaikan derma kepada para penerima.

Bagi memberkati majlis, acara dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran, Surah An-Nisa ayat 36 hingga 42 oleh Awang Chik Akbar Hashemy@ Dimas bin Ahmad Hilmi dan terjemahan ayat dibacakan oleh Awang Muhammad Azka Ayyad bin Haji Mayadi, penuntut-penuntut daripada Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Seterusnya bacaan Doa Selamat dan Doa Allah Peliharakan Sultan dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Sultan Sharif Ali Sengkurong, Awang Haji Mohd. Zaidin bin Haji Mohd. Noor.

Majlis kemudian menyaksikan penyampaian Skim Hadiah Galakan Pelajar-pelajar Cemerlang yang disumbangkan oleh BIBD.

Pada tahun ini, seramai 12 orang anak-anak yatim yang telah mendapat keputusan yang cemerlang dalam Peringkat 'O', Sijil Tinggi Pelajaran Ugama Brunei (STPUB), Sijil Pelajaran Ugama Brunei (SPUB) dan Peperiksaan Sekolah Rendah (PSR) pada tahun 2025 menerima hadiah galakan masing-masing.

Hadiah - hadiah tersebut disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Pelajar-pelajar tersebut ialah Dayang Sharifah Habibah binti Mohammad Shariff; Melvin Tan Liang Kwang; dan Dayang Nurhana Aqilah binti Saiful Bahrin, penerima bagi Pelajar Cemerlang bagi Peringkat 'O'.

Sementara penerima bagi Peperiksaan STPUB terdiri dari

YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri juga selaku Pengerusi Lembaga Pengarah BIBD dan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa sesi bergambar ramai.

Awang Muhammad Norafie bin Muhammad Roslan; Dayang Siti Nurbasyirah binti Huzaimi; dan Awang Muhammad Irfan bin Haji Abd. Rahman.

Penerima bagi Pelajar Cemerlang bagi SPUB pula ialah Dayang Siti Nur Najihah binti Haji Yahmiruddin Shah; Dayang Nur Nabilah Syauqina binti Sapree; dan Dayang Hamimi Nurfaqihah Zahirah binti Haji Abdul Kifli.

Manakala penerima Pelajar Cemerlang bagi PSR adalah Dayang Maizatul Mazeedah binti Abdul Rahim; Dayang Nursarah Ferhanah binti Zainal; dan Dayang Nur Zahirah Bazilah binti Mahmood.

Majlis kemudian diikuti dengan penyampaian sampul - sampul derma kepada 3,061 orang anak-anak yatim yang berdaftar di bawah JAPEM oleh tetamu kehormat bersama.

Daripada jumlah tersebut, seramai 1,998 orang adalah anak yatim yang berdaftar di Daerah Brunei dan Muara (DBM); 479 orang anak yatim berdaftar di Daerah Tutong; 446 orang anak yatim berdaftar di Daerah Belait; dan 138 orang anak yatim yang berdaftar di Daerah Temburong.

Derma yang dihulurkan merupakan sumbangan melalui gabungan Tabung Anak-anak Yatim JAPEM, Tabung Dana Anak Yatim DBM dan sumbangan daripada BIBD pada tahun ini.

Jumlah sumbangan yang dihulurkan melalui Tabung Anak-anak Yatim JAPEM adalah sebanyak BND306,100.

Manakala, Tabung Anak Yatim DBM menyumbangkan sejumlah BND61,220 dan sumbangan daripada BIBD berjumlah BND153,050.

Urus Setia Tabung Anak-anak Yatim sangat mengalu-alukan sumbangan derma dari orang ramai bagi sama - sama menghulurkan bantuan kewangan kepada anak-anak yatim yang berdaftar di bawah pendaftaran kebangsaan.

Sumbangan derma tersebut bolehlah dihulurkan melalui kaedah

berikut: Bahagian Pengurusan dan Pentadbiran, JAPEM, Tingkat 2, Bangunan KKBS semasa waktu pejabat sahaja.

Atau melalui sistem pesanan ringkas (SMS) Brunei Prihatin untuk Tabung Anak-anak Yatim yang berlangsung selama sembilan bulan mulai 12 Februari 2026 hingga 12 November 2026 dengan menaip YATIM (tanpa jarak) dan diikuti dengan jumlah yang hendak didermakan iaitu, 1, 5, 10, 15, 20, 50 atau 100.

Sebagai contoh YATIM20 (bagi derma berjumlah BND20) dan hantar kepada 38111 bagi pelanggan DST dan Progresif dan bagi pelanggan Imagine hantar kepada 39999.

Atau melalui BIBD online atau memasukkan derma ke nombor akaun 0000-101-004-9034 di bawah nama akaun 'Tabung Anak-Anak Yatim'.

Di samping itu, kaunter-kaunter pendaftaran anak-anak yatim juga turut dibukakan selama dua hari, iaitu 25 Februari 2026 dan 26 Februari 2026 bertempat di Hab Sukan, Stadium Negara Hassanal Bolkiah.

Bagi sebarang pertanyaan lanjut, orang ramai boleh menghubungi Bahagian Keluarga, Wanita dan Kanak-kanak, JAPEM menerusi talian +673 2382911 / +673 2381903 sambungan 1336/1338 pada waktu pejabat atau menghubungi Talian Kebajikan 141 atau Talian ANAK 121 pada bila-bila masa.

Mudah-mudahan dengan adanya sumbangan daripada orang ramai akan dapat membantu anak-anak yatim dalam menyambut bulan Syawal selain meraih pahala yang berlipat ganda di bulan Ramadan yang penuh keberkatan dan sekali gus untuk mendapat keredaan daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Turut hadir ke majlis tersebut ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, Ketua Kampung Putat; Setiausaha Tetap (Perbandaran dan Daerah), KHEDN; Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan), KKBS; Pemangku Pegawai DBM; Pemangku Pegawai Daerah Belait, Tutong dan Temburong; Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif BIBD; pegawai-pegawai kanan kerajaan, penghulu, ketua-ketua kampung, wakil BIBD dan Pemangku Pengarah Pembangunan Masyarakat selaku Pengerusi Majlis.

# KSSUP adakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin, Tahlil



**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 25 Februari. - Sempena bulan Ramadan yang Mubarak ini, Kementerian Sumber - Sumber

Utama dan Pelancongan (KSSUP) dan jabatan-jabatan di bawahnya pagi tadi mengadakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil

yang berlangsung di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong, di sini.

Majlis berkenaan adalah khusus

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin  
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan mengetuai rombongan berkenaan pada Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil yang berlangsung di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong.

Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Hadir mengetuai rombongan berkenaan ialah Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan bacaan Surah Yaa Siin dan Tahlil yang dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Adee Aiman bin Haji Muhiddin.

Juga hadir, Timbalan Setiausaha Tetap, KSSUP, Awang Haji Mohd. Yusree bin Haji Junaidi; ketua - ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan, serta pegawai dan kakitangan daripada KSSUP dan jabatan-jabatan di bawahnya.

bagi Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam; Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman; dan Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka

# Upacara Menurunkan Bendera sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-42, Tahun 2026

## Daerah Brunei dan Muara



**YANG** Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama selaku Timbalan Pengerusi Bersama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-42, Tahun 2026 hadir selaku tetamu kehormat bagi menyempurnakan upacara tersebut (atas), manakala gambar kanan dan bawah, sekitar upacara berkenaan.



**Oleh :** Saerah Haji Abdul Ghani  
**Foto :** Muhammad Asri Haji Awang Abas

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 25 Februari. - Upacara Menurunkan Bendera Besar Negara Brunei Darussalam (NBD) yang diadakan hari ini menandakan berakhirnya tempoh pengibaran bendera di seluruh negara sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan (HK) NBD Ke-42, Tahun 2026.

Upacara ini diadakan di Kawasan Lapang Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, di ibu negara, petang tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi menyempurnakan upacara tersebut ialah Timbalan Menteri

Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan selaku Timbalan Pengerusi Bersama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun HK NBD Ke-42, Tahun 2026.

Upacara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa 'Allah Peliharakan Sultan dan NBD' oleh Imam Tingkat I, Masjid Omar 'Ali Saifuddin, Awang Khairul Ariffin bin Haji Yusop.

Seterusnya, penurunan bendera besar dilaksanakan oleh Pasukan Tentera Laut Diraja

Brunei yang bergerak masuk dengan diiringi oleh Pancaragam Pasukan Polis Diraja Brunei.

Upacara diteruskan dengan nyanyian Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan'. Bendera besar yang diturunkan kemudian diserahkan kepada tetamu kehormat bagi menandakan berakhirnya pengibaran bendera di seluruh negara secara rasmi.

Turut hadir ke upacara tersebut ialah Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Setiausaha - setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap dan Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun HK NBD Ke-42, Tahun 2026.



**UPACARA** Menurunkan Bendera Negara Brunei Darussalam (NBD) bersempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-42, Tahun 2026 bagi Daerah Tutong diadakan di Kawasan Kompleks Dewan Kemasyarakatan Daerah Tutong (atas dan bawah).



**TUTONG,** Rabu, 25 Februari. - Upacara Menurunkan Bendera Negara Brunei Darussalam (NBD) bersempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan (HK) NBD Ke-42, Tahun 2026 bagi Daerah Tutong diadakan di Kawasan Kompleks Dewan Kemasyarakatan Daerah Tutong, petang tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Mohammad Sofian bin Haji Basri. Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan doa diketuai oleh Imam Masjid Kampung Penabai, Tutong, Awang Muhammad Abu Afiah bin Lamit.

Sejurus selepas itu, majlis diteruskan dengan penurunan Bendera NBD oleh Pasukan Polis Diraja Brunei dan seterusnya penyerahan Bendera NBD kepada tetamu kehormat majlis.

Turut hadir, ketua-ketua jabatan dan cawangan kerajaan di Daerah Tutong, penghulu-penghulu mukim, ketua-ketua kampung dan pemangku - pemangku ketua kampung.

Dengan turunnya Bendera NBD ini menandakan berakhirnya tempoh pengibaran bendera negara di premis-premis kerajaan dan swasta serta kediaman-kediaman rakyat dan

## Daerah Tutong

**Oleh :** Rohani Haji Abdul Hamid  
**Foto :** Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

penduduk NBD bersempena Ke-42, Tahun 2026 di Daerah Sambutan Ulang Tahun HK NBD Tutong.

**ELAKKAN MENEKAN BREK JIKA KENDERAAN AWDA TERBABAS**

Biarkan kenderaan awda meluncur dan gunakan stereng untuk menghalakan kenderaan awda ke tempat yang selamat

bruneiweather @brunei.weather Weather Line 114 www.met.gov.bn

# Upacara Menurunkan Bendera sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-42, Tahun 2026

## Daerah Belait



Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



SELEPAS menyanyikan lagu kebangsaan, bendera diturunkan oleh Pasukan Pengibar Bendera dan diserahkan kepada Pemangku Pegawai Daerah Belait untuk disimpan (atas dan atas kiri).

**KUALA BELAIT**, Rabu, 25 Februari. - Bendera yang berkibar di Kawasan Menara Cendera Kenangan, Kuala Belait diturunkan hari ini bagi menandakan berakhirnya Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan (HK) Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-42, Tahun

2026. Hadir selaku tetamu kehormat menyaksikan upacara tersebut ialah Pemangku Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Amirol Hafidzin bin Haji Muhammad.

Juga hadir, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, ketua-ketua jabatan dan cawangan Daerah Belait, penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung, wakil-wakil dari pihak swasta dan wakil dari persatuan-persatuan serta Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung.

Upacara dimulakan dengan Pasukan Pengibar Bendera NBD bergerak masuk yang terdiri daripada anggota - anggota Pasukan Polis Diraja Brunei yang

akan menurunkan bendera. Diikuti dengan nyanyian Lagu Kebangsaan NBD 'Allah Peliharakan Sultan'.

Selepas menyanyikan lagu kebangsaan, bendera diturunkan oleh Pasukan Pengibar Bendera dan diserahkan kepada Pemangku Pegawai Daerah Belait untuk disimpan. Majlis disudahi dengan bacaan Doa Selamat yang dibacakan oleh Awang Md. Abd Azim bin Haji Suhaili.

Dengan adanya majlis tersebut menandakan bahawa atur cara sempena HK NBD berakhir. Orang ramai hendaklah menurunkan bendera mereka mulai hari ini dan hendaklah melipatnya dengan kemas serta menyimpannya di tempat yang bersesuaian.

**PEMANGKU** Pegawai Daerah Belait hadir selaku tetamu kehormat menyaksikan upacara tersebut. Turut hadir, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara.

Temburong, Awang Haji Mohamad Azmi bin Haji Suhaili selaku Pengerusi Majlis; ketua-ketua cawangan jabatan - jabatan kerajaan, pemangku penghulu-penghulu mukim, ketua-ketua kampung, pemangku ketua-ketua kampung dan jemputan khas.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar, Awang Muhammad Syahmi bin Haji Zaini yang kemudiannya memimpin bacaan Doa Selamat. Seterusnya, Lagu Kebangsaan NBD, 'Allah Peliharakan Sultan' daripada warga Jabatan Daerah Temburong.

Acara kemudiannya diteruskan dengan Upacara Menurunkan Bendera NBD yang dilaksanakan oleh seramai 13 anggota Daerah Polis Temburong yang diketuai oleh P/Insp Mohammad Hamizan bin Haji Mohammad Din. Selepas itu, P/Insp Mohammad Hamizan menyerahkan bendera itu kepada tetamu kehormat majlis.

Adapun Upacara Menurunkan Bendera NBD ini menandakan berakhirnya tempoh pengibaran bendera di premis-premis kerajaan dan swasta serta rumah-rumah kediaman semua rakyat dan penduduk di NBD sempena Sambutan HK NBD Ke-42, Tahun 2026 bagi Daerah Temburong.



UPACARA Menurunkan Bendera sempena Sambutan Ulang Tahun Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-42, Tahun 2026 berlangsung di hadapan Pemangku Pegawai Daerah Temburong (atas dan kanan).

**TEMBURONG**, Rabu, 25 Februari. - Bendera Negara Brunei Darussalam (NBD) yang berkibar megah selama 11 hari di Kawasan Letak Kereta Dewan Belalong, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Mukim Bangar, Temburong bersempena Sambutan Hari Kebangsaan (HK) NBD Ke-42 Tahun ini sempurna diturunkan petang tadi.

Justeru, Upacara Menurunkan Bendera sempena Sambutan

Ulang Tahun HK NBD Ke-42, Tahun 2026 berlangsung di hadapan Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Hassan Baha bin Haji Umar yang jua selaku tetamu kehormat majlis.

Turut hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir selaku Ketua Kampung Labu Estate dan Piasau-Piasau; Pemangku Penolong Pegawai Daerah


## Daerah Temburong

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi  
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



# MELATIH BELIA MENGUASAI, HAYATI NILAI SENI ISLAM

Siaran Akhbar dan Foto : Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah



SEKITAR Majlis Doa Selamat Permulaan Penulisan Mushaf Jubli Intan Menaiki Takhta yang diadakan di Dewan Al-Ma'rifah, PPKKI-YSHHB (kanan dan atas).

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 26 Februari. - Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (PPKKI-YSHHB) mengadakan Majlis Doa Selamat Permulaan Penulisan Mushaf Jubli Intan Menaiki Takhta yang berlangsung di Dewan Al-Ma'rifah, PPKKI-YSHHB, baru-baru ini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan

selaku Pengerusi Lembaga Tadbir PPKKI-YSHHB dan selaku Pengerusi Jawatankuasa Induk Penulisan Mushaf Jubli Intan Menaiki Takhta.

Adapun Mushaf Jubli Intan Menaiki Takhta tersebut adalah Mushaf keluaran YSHHB yang akan dihasilkan oleh penulis khat (khatat) daripada PPKKI-YSHHB.

Usaha ini adalah bagi menyahut titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan

Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam mendukung aspirasi negara untuk menjadi sebuah Negara Zikir dan merealisasikan Wawasan Brunei 2035 dalam melahirkan dan membentuk rakyat khususnya belia-belia yang berpendidikan dan berkemahiran tinggi.

Mushaf ini akan dihasilkan sebagai manuskrip terunggul PPKKI-YSHHB dan ristaan bersempena Sambutan Jubli Intan

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam 60 Tahun Menaiki Takhta, Tahun 2027.

Projek Penulisan Mushaf Jubli Intan Menaiki Takhta ini adalah merupakan salah satu usaha berterusan PPKKI-YSHHB dalam melatih dan menyiapkan generasi penerus dari kalangan belia-belia yang mampu menguasai dan menghayati nilai-nilai seni Islam

khususnya Seni Mushaf.

Turut hadir, Pemangku Pengarah Urusan YSHHB, Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak, selaku Timbalan Pengerusi Bersama Jawatankuasa Induk Penulisan Mushaf Jubli Intan Menaiki Takhta; dan Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dato Seri Setia Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal selaku Timbalan Pengerusi Bersama Jawatankuasa Induk Penulisan Mushaf Jubli Intan Menaiki Takhta.

## Majlis Doa Kesyukuran raikan Hari Al-Azhar Al-Syarif Sedunia



YANG Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama hadir pada Majlis Doa Kesyukuran anjuran Rabitah Antarabangsa Alumni Al-Azhar Brunei Darussalam dan seterusnya menyerahkan derma kepada para penerima (atas dan bawah kiri).

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin  
Foto : Mohammad Hasif Matzin

**JUNJONGAN,** Rabu, 25 Februari. - Universiti Al-Azhar telah ditubuhkan 1084 tahun yang lalu dan telah berjaya melahirkan para ilmuwan.

Sehubungan itu, bersempena dengan Hari Al-Azhar Al-Syarif Sedunia yang diraikan pada 7 Ramadan setiap tahun, Rabitah Antarabangsa Alumni Al-Azhar

Brunei Darussalam lewat petang tadi menganjurkan Majlis Doa Kesyukuran, bertempat di Masjid As-Salaam, Kampung Junjongan, di sini.

Hadir ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Juga hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, Ketua Kampung Putat; Ra'es Rabitah Antarabangsa Alumni Al-Azhar Brunei Darussalam; Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof; Naib Ra'es I Rabitah Antarabangsa Alumni Al-Azhar Brunei Darussalam, Dato Seri Setia Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal; ahli-ahli kehormat, jawatankuasa eksekutif dan Ahli-ahli Rabitah serta para jemputan-jemputan khas.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah yang dipimpin

oleh Yang Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, diikuti dengan Kalam Azhari iaitu sesi ceramah ringkas yang disampaikan oleh Da'ie Bertauliah MUIB, Awang Mohammad Shahmie bin Mohammad Sani.

Majlis Sambutan Hari Al-Azhar Sedunia pada tahun ini diteruskan dengan sesi Tadarus Al-Quran yang diketuai oleh Yang Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, diikuti dengan bacaan Tahliil dan doa diketuai oleh Pengiran Dr. Haji Amiruddin bin Pengiran Haji Damit.

Acara kemudian diteruskan dengan bacaan Doa Kesyukuran dan Doa Peliharakan Sultan yang dipimpin oleh Pengarah Pusat Da'wah Islamiah, Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh.

Majlis Sambutan Hari Al-Azhar Sedunia kemudian turut menyantuni anak-anak yatim yang terdiri daripada kalangan alumni Al-Azhar sendiri dan penduduk Kampung Junjongan dengan penyerahan derma yang

diserahkan oleh Yang Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama.

Acara seterusnya ditutup dengan iftar bersama diikuti dengan Solat Fardu Maghrib Berjemaah.

Majlis Doa Kesyukuran antara lainnya bertujuan untuk menzhahirkan rasa syukur atas pencapaian Universiti Al-Azhar yang signifikan terhadap umat Islam sejak penubuhannya pada Tahun 361 Hijrah / 971 Masihi dan mengenang jasa para ilmuwan yang telah banyak menyumbang bakti kepada kemajuan negara sehingga identiti Islam itu semakin berkembang dengan mekar dan jayanya.

Selain itu juga bertujuan untuk menyatupadukan bekas-bekas pelajar universiti berkenaan di Negara Brunei Darussalam dan mengukuhkan silaturahim dan jalinan kerjasama dalam kalangan Ahli-ahli Rabitah Antarabangsa Alumni Al-Azhar Brunei Darussalam.



# Rombongan KHEU bertadarus di Masjid Kampung Sungai Teraban



Oleh : Haniza Abdul Latif  
Foto : Azmah Haji Ahad

amalan kebajikan yang dilaksanakan, di samping menawarkan keampunan daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Sepanjang bulan yang mulia ini, peluang untuk meraih rahmat dan maghfirah-Nya terbuka

seluas-luasnya kepada seluruh umat Islam.

Dalam menghayati keberkatan Ramadan, rombongan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) meneruskan pelaksanaan Majlis Tadarus Al-Quran dengan

YANG Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Tadarus Al-Quran.

Pegawai Ugama Daerah Belait, Awang Mohd. Aliyani bin Ismail; dan Penolong Pegawai Daerah Belait, Awang Muhammad Faiz bin Haji Rani.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh tetamu kehormat, diikuti dengan Sesi Tadabbur Al-Quran yang disampaikan oleh Da'ie Bertauliah Majlis Ugama Islam Brunei, Awang Haji Mazne bin Haji Othman.

Kemudian, majlis diteruskan dengan bacaan Tadarus Al-Quran beramai-ramai, diikuti bacaan Tahlil dan Doa Arwah yang dipimpin oleh imam Masjid Kampung Sungai Teraban, Awang Muhammad Nur Islam bin Mohd. Suria@ Muhammad Abdul Razzaq.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam yang juga dipimpin oleh imam Masjid Kampung Sungai Teraban.

Rombongan KHEU akan meneruskan lagi Majlis Bertadarus Al-Quran ke Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit pada hari Sabtu, 10 Ramadan 1447 Hijrah bersamaan 28 Februari 2026 Masihi.

mengunjungi Masjid Kampung Sungai Teraban, Daerah Belait, lewat petang tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Turut hadir, Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; Pemangku Raes Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Dr. Haji Abang Hadzmin bin Haji Abang Taha; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan), KHEU, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), KHEU, Awang Misle bin Haji Abd. Karim; Ketua

BELAIT, Khamis, 26 Februari. - Bulan Ramadan merupakan bulan yang penuh keberkatan, menjanjikan ganjaran pahala berlipat ganda bagi setiap

## MAJLIS BERTADARUS WADAH MENINGKATKAN KEIMANAN, KETAKWAAN



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyampaikan sumbangan wakaf daripada Kementerian Pendidikan kepada Pegawai Hal Ehwal Masjid, Ketua Imam Masjid Perpindahan Kampung Mata-Mata Gadong, Awang Muhammad Nur Adib bin Haji Abdul Manaf (atas dan kanan). Manakala gambar bawah, antara yang hadir pada majlis tersebut.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani  
Foto : Mohammad Hasif Matzin



BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 26 Februari. - Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Jabatan Pendidikan Khas dan Pusat Keusahawanan Inovasi hari ini mengadakan Majlis Bertadarus sempena bulan Ramadan yang berlangsung di Masjid Perpindahan Kampung Mata-Mata Gadong.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Timbalan Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan, Awang Aliuddin bin Haji Abdul Rahman.

Majlis dimulakan dengan sembahyang Fardu Zuhur Berjemaah, diikuti dengan penyampaian sumbangan wakaf dari Kementerian Pendidikan yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis kepada Pegawai Hal Ehwal Masjid, Ketua Imam

Masjid Perpindahan Kampung Mata-Mata Gadong, Awang Muhammad Nur Adib bin Haji Abdul Manaf.

Acara diteruskan dengan Majlis Bertadarus dan diakhiri dengan bacaan doa bagi memberkati majlis yang diketuai oleh Ketua Imam masjid berkenaan.

Majlis seumpama berkenaan merupakan salah satu aktiviti tahunan Kementerian Pendidikan berserta jabatan-jabatan di bawahnya yang bertujuan untuk menyemarakkan lagi bulan Ramadan serta memohon keberkatan, keredaan dan rahmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Majlis berkenaan juga menjadi wadah untuk meningkatkan keimanan dan ketakwaan, memperkukuh amalan ibadah serta

mengeratkan silaturahmi dalam kalangan pegawai dan kakitangan Kementerian Pendidikan.

Di samping itu, majlis berkenaan turut menyahut hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Zikir ke arah *Baldatun Thayyibatun Warabbun Ghafur*.

Turut hadir pada majlis berkenaan, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan, pegawai dan kakitangan Kementerian Pendidikan serta penduduk kampung sekitarnya.

# RAMADAN

**Bulan Keberkatan, Keampunan & Rahmat**

Khutbah Jumaat Negara Brunei Darussalam pada 09 Ramadan 1447H / 27 Februari 2026M

## BULAN RAMADAN



SILA IMBAS UNTUK KHUTBAH LENGKAP

Ramadan bukan sekadar menahan lapar dan dahaga bahkan ia adalah medan tarbiah untuk menyucikan hati, melembutkan jiwa dan mendidik diri agar lebih dekat dengan Allah SWT.

## KEISTIMEWAAN BULAN RAMADAN

### PINTU SYURGA DIBUKA

Menandakan luasnya rahmat dan kasih sayang Allah SWT terhadap hamba-hamba-Nya yang beriman.

### PINTU NERAKA DITUTUP

Menandakan betapa besarnya peluang keampunan bagi mereka yang benar-benar ingin bertaubat.

### SYAITAN-SYAITAN DIBELENGGU

Memberi kemudahan kepada hamba-hamba Allah S.W.T untuk mempertingkatkan amal salih tanpa banyak gangguan dan godaan.

### MALAM LAILATUL QADAR; LEBIH BAIK DARIPADA SERIBU BULAN

Malam agung merupakan peluang keemasan untuk meraih keampunan serta ganjaran pahala yang berlipat ganda.

# Ramadan : Bulan keberkatan, keampunan dan rahmat



**B**ERTAKWALAH kita ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar takwa iaitu dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Bulan Ramadan adalah bulan yang penuh dengan keberkatan, keampunan dan rahmat. Ramadan bukan sekadar menahan lapar dan dahaga bahkan ia adalah medan tarbiah untuk menyucikan hati, melembutkan jiwa dan mendidik diri agar lebih dekat dengan Allah Subhanahu Wata'ala. Oleh itu, marilah kita menyambut Ramadan ini dengan hati yang penuh keinsafan serta melaksanakan ibadah puasa dengan penuh kesungguhan dan keikhlasan.

Sebagai orang Islam, kita hendaklah berazam dengan bersungguh-sungguh untuk melaksanakan kewajipan berpuasa

pada bulan Ramadan ini dengan sebaik mungkin. Ini kerana jika pada bulan Ramadan yang lalu kita merasakan masih terdapat kekurangan, kelalaian ataupun kecuai dalam melaksanakan ibadah puasa, maka pada tahun ini, marilah kita bertekad untuk memperbaikinya dengan menunaikan ibadah puasa dengan lebih sempurna dan lebih baik daripada tahun-tahun sebelumnya.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah menjelaskan dalam hadis Baginda tentang kelebihan dan keistimewaan bulan penuh kemuliaan ini. Apakah keistimewaan yang terkandung dalam bulan Ramadan? Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad, daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud : *"Telah datang kepada kamu Ramadan, bulan yang penuh keberkatan. Allah mewajibkan ke atas kamu berpuasa. Pintu-pintu syurga dibuka, pintu-pintu neraka ditutup dan syaitan-syaitan dibelenggu. Di dalamnya terdapat satu malam yang lebih baik daripada 1,000 bulan. Barang siapa yang terhalang daripada kebajikannya, maka sesungguhnya dia telah terhalang daripada kebaikan yang banyak"*.

Hadis tersebut menjelaskan keistimewaan bulan Ramadan sebagai bulan yang penuh dengan keberkatan serta peluang untuk memperoleh keampunan dan rahmat Allah Subhanahu Wata'ala. Sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala telah mewajibkan umat Islam berpuasa pada bulan Ramadan dan dalam bulan yang mulia ini, pintu-pintu syurga dibuka. Inilah tanda luasnya rahmat dan kasih sayang Allah Subhanahu Wata'ala terhadap hamba-hamba-Nya yang beriman.

Manakala pintu-pintu neraka pula ditutup, menandakan betapa besarnya peluang keampunan bagi mereka yang benar-benar ingin bertaubat. Syaitan-syaitan pula dibelenggu, memberi kemudahan kepada hamba-hamba Allah Subhanahu Wata'ala untuk mempertingkatkan amal soleh tanpa banyak gangguan dan godaan. Selain itu, dalam bulan yang mulia ini terdapat satu malam yang lebih baik daripada 1,000 bulan, iaitu Lailatulqadar. Malam agung ini merupakan peluang keemasan untuk meraih keampunan serta ganjaran pahala yang berlipat ganda. Oleh itu, kita sebagai umat Islam dianjurkan untuk merebut peluang yang tidak ternilai ini dengan memperbanyakkan ibadah, amal kebajikan, membaca Al-Quran, qiamullail dan berdo'a dengan penuh keikhlasan agar dikurniakan keampunan serta rahmat Allah Subhanahu Wata'ala.

Ramadan merupakan bulan yang penuh dengan rahmat dan kasih sayang Allah Subhanahu Wata'ala. Ia adalah bulan di mana peluang keampunan dan pembebasan daripada api neraka dikurniakan kepada hamba-hamba Allah Subhanahu Wata'ala yang bersungguh-sungguh mencari reda-Nya. Daripada Jabir bin Abdullah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya : *"Sesungguhnya Allah memiliki hamba-hamba yang dibebaskan daripada neraka pada setiap waktu terbuka puasa dan yang demikian itu berlaku pada setiap malam (bulan Ramadan)"*. (Hadis Riwayat Ibnu Majah)

Sesungguhnya Ramadan yang mulia ini adalah anugerah agung daripada Allah Subhanahu Wata'ala kepada kita selaku hamba-hamba-Nya yang masih

dipinjamkan nafas dan waktu. Oleh itu, janganlah kita mensia-siakan peluang keemasan ini kerana kita tidak tahu sama ada kita akan berpeluang bertemu Ramadan lagi pada tahun hadapan.

Berapa ramai insan yang bersama kita pada Ramadan yang lali, kini telah kembali ke rahmat Allah. Mereka tidak lagi berkesempatan untuk menyucikan dosa, menadah tangan dalam doa atau sujud menghadap Allah Subhanahu Wata'ala. Sedangkan kita, masih lagi dikurniakan ruang dan masa untuk meraih keampunan, mengaut pahala dan peluang untuk memperbaiki diri.

Akhirnya, selagi nyawa masih dikandung badan, marilah kita memanfaatkan Ramadan ini dengan sebaik-baiknya. Isilah hari-harinya dengan amal ibadah dan taubat yang bersungguh-sungguh. Jika kita benar-benar menghidupkan Ramadan dengan iman dan mengharap pahala, maka Ramadan akan menjadi sebab turunnya rahmat dan perubahan pada diri, daripada lalai kepada taat, daripada kasar kepada lembut, daripada jauh kepada dekat dengan Allah Subhanahu Wata'ala. Mudah-mudahan kita tergolong dalam kalangan mereka yang dibebaskan daripada api neraka dan dikurniakan rahmat serta keampunan oleh Allah Subhanahu Wata'ala. *Amin Ya Rabbal Alamin*.

**Tafsirnya :** *"Dan sesiapa yang menghendaki (kebahagiaan hidup) akhirat dan berusaha (mengerjakan amal kebajikan) untuk (tujuan) itu dengan usaha yang bersungguh-sungguh sedang ia beriman maka mereka itulah yang usaha mereka dikurniakan ganjaran yang baik (diberi pahala)"*. (Surah Al-Isra', ayat 19)

## Pemerintah, Timbalan Pemerintah ABDB dianugerahkan National Defence Medal

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pertahanan



**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 26 Februari. - Kerajaan Republik Perancis telah menganugerahkan National Defence Medal (Gold Grade) kepada kepimpinan kanan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB).

Majlis Penyampaian Anugerah berkenaan telah diadakan di kediaman rasmi Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Perancis ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Puan Yang Terutama Eve Lubin.

Majlis berkenaan telah disempurnakan oleh Puan Yang Terutama, yang menyampaikan pingat berkenaan kepada para penerima bagi pihak Presiden

Republik Perancis.

Penerima National Defence Medal (Gold Grade) berkenaan, Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan dan Timbalan Pemerintah ABDB, Brigedier Jeneral (U) Dato Seri Pahlawan Mohammad Sharif bin Dato Paduka Haji Ibrahim.

National Defence Medal (Gold Grade) (Médaille de la Défense nationale - Échelon Or) merupakan satu anugerah ketenteraan berprestij Republik Perancis, yang dianugerahkan kepada anggota tentera Republik Perancis dan asing yang telah menunjukkan perkhidmatan cemerlang serta memberikan

PEMERINTAH ABDB dan Timbalan Pemerintah ABDB semasa menerima anugerah Penerima National Defence Medal (Gold Grade) dari Kerajaan Republik Perancis (kanan dan bawah kanan). Manakala gambar kiri, sesi bergambar ramai pada majlis tersebut.

sumbangan signifikan dalam menyokong kepentingan pertahanan Republik Perancis, termasuk dalam memperkukuh kerjasama pertahanan antarabangsa.

Penganugerahan berkenaan mencerminkan pengiktirafan Kerajaan Republik Perancis terhadap kepimpinan, profesionalisme serta penglibatan berterusan para penerima dalam memperkukuh hubungan pertahanan dua hala, di samping komitmen mereka dalam memajukan kerjasama ketenteraan, kesalingpercayaan serta kerjasama institusi antara angkatan bersenjata NBD dan Republik Perancis.

Kementerian Pertahanan merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada para penerima atas pengiktirafan berprestij berkenaan serta menzahirkan penghargaan terhadap kerjasama dan persahabatan pertahanan yang berterusan antara NBD dan Republik Perancis.



# دعاء مموهن كقد الله سقاي ترسلامة درقد بلاء دان سكل جنيس قياكيت

## DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ﴿3 كالي﴾.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ خَيْرِ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ دَاءٌ. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَتَحْنَا وَبِاللَّهِ أَخْتَتَمْنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَخَصَّنَا بِذِي الْعِزَّةِ وَالْجَبْرُوتِ. وَأَعْتَصَمْنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَيِّ الَّذِي لَا يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُدَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالطَّعْنَ وَالطَّاعُونَ وَسَائِرَ الْأَمْرَاضِ وَقِنَا شَرَّ الرَّدَى بِطُفِكَ يَا لَطِيفُ يَا حَبِيبُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿3 كالي﴾.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

## TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

# AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

## اية الكرسي

## (صلوات تفرجية)

## سَيِّدُ الْإِسْتِعْظَارِ

اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ لَا تَأْخُذُهُ سِنَّةٌ وَلَا نَوْمٌ لَهُ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ مَنْ ذَا الَّذِي يَشْفَعُ عِنْدَهُ إِلَّا بِإِذْنِهِ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهِ إِلَّا بِمَا شَاءَ وَسِعَ كُرْسِيُّهُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ وَلَا يَئُودُهُ حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيمُ ﴿٢٥٥﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلَيَّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الَّذِي تَنَحَّلَ بِهِ الْعُقْدُ، وَتَفَرَّجَ بِهِ الْكُرْبُ، وَتُقَضَى بِهِ الْحَوَائِجُ، وَتُنَالُ بِهِ الرِّغَائِبُ وَحُسْنُ الْحَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقَى الْعَمَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيمِ، وَعَلَى إِلَيْهِ وَصَحْبِهِ فِي كُلِّ لَمَحَةٍ وَنَفْسٍ بَعْدَ كُلِّ مَعْلُومٍ لَكَ.

اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ، وَأَنَا عَلَى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أُبُوءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَأُبُوءُ بِذَنْبِي، فَاغْفِرْ لِي فَإِنَّهُ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ.

### Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempatan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat 70 kali. **وَلَا يَأُودُهُ حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيمُ** Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

### Maksudnya :

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhapuslah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

### Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

### Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahatan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

### Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

## ذكر بچاءن یغ مباوا کبراونتوغن ساعت بسر کقد قععملن ( تولق بلاء )

(3) بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).

### Penerangan :

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

(2) أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمِ

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

### Penerangan :

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakkannya rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

(1) حَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

### Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173. Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

(5) يَا حَيُّ يَا قَيُّومُ، بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغِيثُ

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

### Penerangan :

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharap pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinnya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

(4) وَأَفْوِضُ أَمْرِي إِلَى اللَّهِ

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya) kepada Allah jua).

### Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.

# Rebut ganjaran besar dengan Tadarus Al-Quran



MAJLIS Tadarus bagi Pegawai dan Kakitangan Wanita Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) berlangsung di Masjid Jefri Bolkiah, Kampung Batong (atas dan kanan).

Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah

BATONG, Rabu, 25 Februari. - Majlis Tadarus bagi Pegawai dan Kakitangan Wanita Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) berlangsung pagi tadi di Masjid Jefri Bolkiah, Kampung Batong.

Majlis berkenaan diadakan bersempena Bulan Ramadan bagi Tahun 1447 Hijrah bersamaan 2026 Masihi sebagai salah satu aktiviti keagamaan tahunan kementerian tersebut.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah isteri Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Datin Norazimah binti Haji Ramlee, yang seterusnya memimpin bacaan Surah Al-Fatihah bagi memulakan majlis.

Majlis diteruskan dengan bacaan Tahليل yang dipimpin oleh pegawai dari Jabatan Pengajian Islam, KHEU, Dayang Julianawati binti Haji Hamdan. Manakala Doa Tahليل dibacakan oleh pegawai dari Bahagian Pendakwa Syarie, KHEU, Dayang Nur Syafiqah binti Nasruddin.

Bagi memberkati majlis, Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Pegawai Pelajaran Ugama Kanan, Bahagian Kemajuan Syiar Islam, KHEU, Datin Dr. Hajah Rohanita binti Haji Yaakub.

Aktiviti keagamaan tahunan kementerian ini merupakan salah satu usaha menyemarakkan syiar Islam

serta memakmurkan masjid-masjid di negara ini, di samping meningkatkan amal ibadah dalam merebut ganjaran besar pada bulan Ramadan melalui amalan tadarus Al-Quran.

Selain itu, majlis ini juga berperanan mengeratkan lagi hubungan silaturahim dalam kalangan pegawai dan kakitangan wanita di bawah KHEU.



# SKIM TABUNGAN ANAK DAMIT BERKUAT KUASA 1 MAC INI

## MATRIKS KELAYAKAN SKIM TABUNGAN ANAK DAMIT

BAGI KELAHIRAN BIASA			
WARNA KAD PENGENALAN		WARGANEGARA ANAK SEMASA LAHIR	KELAYAKAN
BAPA	IBU		
KUNING	KUNING	RAKYAT BRUNEI	LAYAK
KUNING	UNGU (STATELESS)	RAKYAT BRUNEI	LAYAK
KUNING	UNGU (WNA)	RAKYAT BRUNEI	LAYAK
KUNING	HIJAU	RAKYAT BRUNEI	LAYAK
UNGU (STATELESS)	KUNING	STATELESS	LAYAK
UNGU (STATELESS)	UNGU (STATELESS)	STATELESS	LAYAK
UNGU (STATELESS)	UNGU (WNA)	STATELESS	LAYAK
UNGU (STATELESS)	HIJAU	STATELESS	LAYAK
UNGU (WNA)	KUNING	WARGANEGARA ASING	LAYAK*
UNGU (WNA)	UNGU (STATELESS)	WARGANEGARA ASING	LAYAK*
UNGU (WNA)	UNGU (WNA)	WARGANEGARA ASING	TIDAK LAYAK
UNGU (WNA)	HIJAU	WARGANEGARA ASING	TIDAK LAYAK
HIJAU	KUNING	WARGANEGARA ASING	LAYAK*
HIJAU	UNGU (STATELESS)	WARGANEGARA ASING	LAYAK*
HIJAU	UNGU (WNA)	WARGANEGARA ASING	TIDAK LAYAK
HIJAU	HIJAU	WARGANEGARA ASING	TIDAK LAYAK

Nota:  
 \*Layak diberikan kerana ibu berstatus warganegara Brunei atau *stateless*  
 • Kuning – Warganegara Brunei  
 • Ungu (*Stateless*) – (Penduduk Tetap Brunei (*Stateless*))  
 • Ungu (WNA) – Penduduk Tetap Brunei (Warganegara Asing)  
 • Hijau – Warganegara Asing

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 25 Februari. - Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MOFE) sukacita memaklumkan mengenai dengan pengenalan satu skim baharu iaitu Skim Tabungan Anak Damit yang berkuat kuasa mulai 1 Mac 2026.

Skim ini adalah satu pemberian kepada anak-anak damit yang baru lahir yang mempunyai kewarganegaraan tertentu. Skim ini antaranya juga bertujuan untuk memupuk budaya menabung dalam kalangan masyarakat sejak dari kecil lagi.

Skim Tabungan Anak Damit ini akan melibatkan pemberian dalam bentuk kewangan melalui pembukaan Akaun Si Manja Khas di Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB). Jumlah sebanyak BND240 akan diberikan

sekali sahaja bagi setiap kelahiran dengan kriteria-kriteria berikut.

Kelayakan pemberian bergantung kepada status kerakyatan anak damit semasa dilahirkan. Anak damit semasa ia dilahirkan, hendaklah mempunyai warganegara seperti Matriks Kelayakan yang diringkaskan seperti berikut iaitu anak damit adalah warganegara Brunei (sama ada lahir di dalam atau luar negeri); Anak damit adalah penduduk tetap yang tidak mempunyai kewarganegaraan lain (*stateless*) (lahir di dalam negeri sahaja) dan Anak damit adalah warga negara asing tetapi ibu anak damit adalah warganegara Brunei atau memegang kad pengenalan ungu (*stateless*) (lahir di dalam negeri sahaja).

Skim Tabungan Anak Damit ini

boleh dituntut oleh ibu bapa atau penjaga anak damit sehingga anak damit berumur 1 tahun sahaja.

Perbadanan TAIB akan mengkreditkan pemberian sebanyak BND240 ke dalam Akaun Si Manja Khas. Pengeluaran wang simpanan ini bolehlah dibuat untuk membeli keperluan asas anak damit berkenaan seperti lampin, susu dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, baki minima sebanyak BND20 perlu dikekalkan dalam akaun tersebut bagi memastikan akaun sentiasa aktif dan terus berfungsi sebagai insentif menabung.

Ibu bapa dan penjaga adalah sangat digalakkan untuk menabung untuk anak-anak mereka melalui akaun yang disediakan, dan akaun hanya boleh ditutup setelah 5 tahun. Yuran dorman dan deposit (*initial deposit*) tidak akan dikenakan kepada Akaun Si Manja Khas.

Ibu bapa atau penjaga akan mengendalikan akaun sehingga anak damit mencapai umur 18 tahun. Apabila mencapai umur 18 tahun, akaun penerima secara automatik akan ditukar kepada akaun simpanan atas nama tunggal kanak-kanak berkenaan.

Proses bagi mendapatkan Skim Tabungan Anak Damit adalah seperti berikut iaitu ibu bapa atau penjaga diperlukan untuk menyediakan dokumen antaranya seperti sijil kelahiran asal dan kad pengenalan asal ibu bapa / penjaga.

Seterusnya, ibu bapa atau penjaga bolehlah menghadapkan dokumen berkenaan ke kaunter kaunter Perbadanan TAIB yang berdekatan. Pemberian kewangan ke akaun anak damit akan dilaksanakan setelah proses pengesahan secara dalaman selesai dilaksanakan.

Skim Bantuan Pemberian Lampin Pakai Buang dan Alat Bantuan Penyusuan akan dimansuhkan mulai 1 Mac 2026.

## Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Kewangan dan Ekonomi

Mana-mana kelahiran sebelum tarikh berkuatkuasa Skim baharu ini akan kekal diberikan lampin pakai buang dan alat bantuan sehingga selesai.

Maklumat lanjut mengenai skim ini boleh diperolehi melalui laman sesawang MOFE <https://www.mofe.gov.bn> dan laman sesawang Perbadanan

Tabung Amanah Islam Brunei <https://www.taib.com.bn> atau melalui Platform media sosial – Instagram – [mofebrunei](https://www.instagram.com/mofebrunei); Facebook – [Ministry of Finance and Economy Brunei Darussalam](https://www.facebook.com/MinistryofFinanceandEconomyBruneiDarussalam) atau menghubungi terus ke Jabatan Perbendaharaan, MOFE melalui talian +673 7419444 atau e-mel [ppp@treasury.gov.bn](mailto:ppp@treasury.gov.bn).

**SKIM ini adalah satu pemberian kepada anak-anak damit yang baru lahir yang mempunyai kewarganegaraan tertentu. Skim ini antaranya juga bertujuan untuk memupuk budaya menabung dalam kalangan masyarakat sejak dari kecil lagi.**

KATEGORI ANAK LAHIR DI LUAR PERNIKAHAN			
WARNA KAD PENGENALAN		ANAK SEMASA LAHIR	KELAYAKAN
BAPA	IBU		
ANAK LAQIITH – (TIDAK DIKETAHUI IBU AYAH)			
RUANG AYAH KOSONG	RUANG IBU KOSONG	STATELESS	LAYAK
ANAK KATEGORI TIDAK DIPEROLEHI (ANAK LAHIR SEBELUM PERNIKAHAN)			
RUANG AYAH KOSONG	KUNING	STATELESS	LAYAK
RUANG AYAH KOSONG	UNGU (STATELESS)	STATELESS	LAYAK
RUANG AYAH KOSONG	UNGU (WNA)	WARGANEGARA ASING	TIDAK LAYAK
RUANG AYAH KOSONG	HIJAU	WARGANEGARA ASING	TIDAK LAYAK
ANAK KURANG 180 HARI (IBU BAPA BERNIKAH SEBELUM ANAK LAHIR AKAN TETAP) KURANG 180 HARI DARI TARIKH NIKAH)			
RUANG AYAH KOSONG	KUNING	JIKA SUAMI NYA ADALAH WARGANEGARA BRUNEI, MAKA ANAK TERSEBUT BOLEH DITUNTUT MENJADI WARGANEGARA BRUNEI	* LAYAK JIKA AYAH KUNING ATAU AYAH UNGU (STATELESS) LAYAK JIKA IBU KUNING ATAU UNGU (STATELESS)
RUANG AYAH KOSONG	UNGU (STATELESS)		
RUANG AYAH KOSONG	UNGU (WNA)		
RUANG AYAH KOSONG	HIJAU		

Nota:  
 • Kuning – Warganegara Brunei  
 • Ungu (*Stateless*) – (Penduduk Tetap Brunei (*Stateless*))  
 • Ungu (WNA) – Penduduk Tetap Brunei (Warganegara Asing)  
 • Hijau – Warganegara Asing

# MEMUPUK PENGHAYATAN SAUDARA BAHARU TERHADAP KELEBIHAN RAMADAN

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama



**BEBULOH**, Khamis, 26 Februari. - Bersempena bulan Ramadan yang mubarak ini, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) terus mempergiatkan usaha dakwah kepada para muaf di Daerah Brunei dan Muara (DBM).  
Sehubungan dengan itu, pada hari ini, rombongan PDI yang terdiri daripada warga Bahagian Kajian dan Penerbitan serta Urus

Setia Penerbitan Tafsir Mushaf Brunei Darussalam telah mengadakan kunjungan bagi melaksanakan Majlis Tadarus Al-Quran di Rumah Kegiatan Ugama Kampung Bebuloh, DBM.

Acara berkenaan dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti Tadarus Al-Quran oleh Imam Rumah Kegiatan Ugama berkenaan dan disusuli dengan bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Rombongan yang terdiri daripada warga PDI itu dipimpin oleh Pemangku Pengarah PDI, Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abd. Rahman, selaku ketua rombongan.

Majlis diakhiri dengan Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak serta Sunat Tarawih dan Witir Berjemaah.

Kunjungan dan Tadarus bersama muaf berkenaan adalah bertujuan untuk menggalakkan para muaf untuk sama-sama mengimarahkan masjid, surau, balai ibadat, pos dakwah dan rumah kegiatan ugama di kawasan



**PEMANGKU** Pengarah PDI, Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abd. Rahman hadir selaku ketua rombongan pada Majlis Tadarus Al-Quran yang diadakan di Rumah Kegiatan Ugama Kampung Bebuloh (atas dan kiri).

masing-masing.

Selain itu, ia juga memupuk penghayatan saudara-saudara baharu terhadap kelebihan bulan Ramadan melalui penglibatan dalam aktiviti keagamaan seperti

membaca Al-Quran, berzikir dan mendengar tazkirah.

Di samping itu juga, aktiviti seumpama berkenaan turut mengeratkan silaturahim antara warga PDI dan para muaf.

## Berpuasa di bulan Ramadan peluang memperbaiki gaya hidup



**ANTARA** yang hadir pada Program Masjidku Makmur, Negara Berkat (atas). Sementara gambar bawah, tazkirah disampaikan oleh Pegawai Pelajaran Kesihatan, Pusat Promosi Kesihatan, Kementerian Kesihatan, Awang Waajidun Ni'am bin Haji Dollah.

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin.  
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 27 Februari. - Puasa di bulan Ramadan bukan sekadar menahan lapar dan dahaga, tetapi juga peluang memperbaiki gaya hidup sihat.

Pemilihan makanan yang tepat ketika sahur dan berbuka memberi kesan besar terhadap tahap tenaga sepanjang hari.

Sahur yang lengkap dengan karbohidrat, protein, sayur-sayuran dan buah-buahan membantu mengawal rasa lapar.



Perkara berkenaan dijelaskan oleh Pegawai Pelajaran Kesihatan, Pusat Promosi Kesihatan, Kementerian Kesihatan, Awang Waajidun Ni'am bin Haji Dollah semasa menyampaikan Tazkirah Subuhnya yang bertajuk 'Penjagaan Kesihatan dan Pemakanan Sewaktu Berpuasa di Bulan Ramadan' pada Program Masjidku Makmur, Negara Berkat yang diadakan awal pagi tadi di Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan, di sini.

Jelasnya, semasa berbuka, amalan makan secara perlahan dan tidak berlebihan dapat mengelakkan gangguan sistem penghadaman.

Dengan amalan pemakanan sihat dan gaya hidup teratur terangnya lagi, Ramadan dapat dilalui dengan tubuh yang sihat serta ibadah yang lebih berkualiti.

Program dimulakan dengan Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah, diikuti dengan bacaan Wirid serta Tazkirah Subuh.

Program Masjidku Makmur, Negara Berkat diungkuayahkan



BALAI KHAZANAH ISLAM  
SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH  
SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH ISLAMIC KHAZANAH HALL

# قَمْبُوكَانْ بِيْلِيْق

## رَامْبُوتْ مَوْلِيَا رَسُوْلِ اللّٰهِ ﷺ

### PEMBUKAAN BILIK RAMBUT MULIA

# RASULULLAH ﷺ

## سَمْعِنَا سَمْبُوتِن

### سُرُوْلُ الْقُرْآنِ

#### SEMPENA SAMBUTAN

### NUZUL AL-QUR'AN

DIBUKAKAN UNTUK KUNJUNGAN

**ORANG RAMAI SELAMA**

# 3 HARI

**SABTU - ISNIN**

**17 -19 RAMADAN 2025**

**7 - 9 MAC 2025**

**9:00 pagi - 3:00 petang**

**WAKTU KAUNTER TIKET**

**8:30 PAGI HINGGA 2:00 PETANG**

GALERI DIBUKA SETIAP HARI DARI 9:00 PAGI HINGGA 3:00 PETANG

WAKTU KAUNTER TIKET 8:30 PAGI HINGGA 2:00 PETANG

NOTA : TIKET LAWATAN BOLEH DIBELI AWAL, TIDAK MEMPUNYAI TARIKH LUPUT DAN HANYA SAH DIGUNAKAN SEKALI



**TEMPAH TIKET**

**AWDA DI SINI**

📱 BALAIKHAZANAH.BN
🌐 BALAI KHAZANAH ISLAM SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH
🌐 WWW.BKISHHB.GOV.BN
📞 2220702 EXT 140
📞 +673 815 3267

dengan tujuan untuk mengajak umat Islam di negara ini agar memakmurkan masjid melalui amalan beribadah secara berjemaah, pengajian ilmu dan pelaksanaan aktiviti keagamaan. Di samping membentuk

masyarakat yang berdisiplin, bertanggungjawab serta saling menghormati, program berkenaan juga berperanan menanam rasa cinta terhadap masjid sebagai rumah Allah. Selain itu, untuk memupuk

semangat Negara Zikir dan Negara Berkat melalui penghayatan ajaran Islam dalam kehidupan seharian, sekali gus menyumbang kepada kesejahteraan dan kemakmuran negara berasaskan nilai-nilai Islam.

# PROGRAM KASIH RAMADAN SANTUNI RAKAN SELIAAN



PEMANGKU Pengarah Penjara, Awang Bahrin bin Mohammad Yassin hadir selaku tetamu kehormat pada Program Kasih Ramadan (kiri dan kanan).

**Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Penjara**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 25 Februari. - Jabatan Penjara, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, melalui Bahagian Pemulihan dan Reintegrasi Jabatan Penjara menganjurkan Program Kasih Ramadan sebagai inisiatif menyantuni Rakan Seliaan sempena keberkatan bulan Ramadan. Majlis tersebut diadakan bertempat di Bilik Mesyuarat At-Taqwa, Pusat Latihan Jabatan Penjara.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pemangku Pengarah Penjara, Awang Bahrin bin Mohammad Yassin. Program ini bertujuan untuk menyemai nilai kasih sayang, keprihatinan dan sokongan moral kepada Rakan Seliaan agar mereka turut merasai kemeriahan dan keberkatan bulan Ramadan. Majlis turut diserikan dengan bacaan Tadarus Al-Quran bagi pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Penjara, dan diselitikan

tazkirah Ramadan dan penyampaian sumbangan makanan asasi kepada seramai 30 orang Rakan Seliaan yang merupakan hasil sumbangan ikhlas daripada Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) dan Persatuan AFSA. Sumbangan yang diberikan diharap dapat membantu menceriakan sambutan Ramadan serta memberi suntikan semangat kepada para penerima untuk terus berusaha memperbaiki diri dan membina masa depan yang lebih baik.

Inisiatif ini juga mencerminkan komitmen berterusan pihak Jabatan Penjara dan rakan strategiknya dalam memastikan kebajikan dan kesejahteraan Rakan Seliaan sentiasa diberi perhatian, selaras dengan pendekatan pemulihan dan reintegrasi sosial. Pihak Bahagian Pemulihan dan Reintegrasi, Jabatan Penjara merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada BIBD atas keprihatinan dan kerjasama strategik yang terjalin. Diharapkan kolaborasi

seumpama ini akan terus diperkukuhkan demi manfaat bersama, khususnya dalam memperkasa usaha pemulihan dan pembangunan sahsiah Rakan Seliaan. Program Ramadan Kasih ini merupakan salah satu daripada inisiatif tahunan Bahagian Pemulihan dan Reintegrasi Jabatan Penjara dalam memperkukuhkan hubungan antara agensi kerajaan dan rakan strategik, di samping menyemarakkan semangat kebersamaan dan ihsan dalam masyarakat.

# Memperkukuh nilai keprihatinan pelatih PPB dalam kerja kemasyarakatan

**Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah**



PEGAWAI Latihan, Pusat Pembangunan Belia (PPB), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Saiful Rijal bin Haji Ariffin hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan dan seterusnya menyerahkan sumbangan kepada penerima (atas dan atas kiri).

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 26 Februari. - Seramai 30 orang penerima telah menerima sumbangan infak dalam Majlis Projek Infak Kepada Orang-orang Berkeperluan Khas dan Fakir Miskin yang berdaftar, yang berlangsung pagi tadi di Masjid As-Salaam, Kampung Junjongan. Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan, Pegawai Latihan, Pusat Pembangunan Belia (PPB), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Saiful Rijal bin Haji Ariffin. Daripada jumlah keseluruhan penerima, seramai 10 orang terdiri daripada golongan Orang Berkeperluan Khas (OBK), manakala 20 orang

lagi adalah daripada golongan kurang berkemampuan. Majlis berkenaan merupakan projek akhir bagi Bengkel Seni Kuliner (Masakan dan Pastri) anjuran PPB. Sumbangan yang dihulurkan adalah sebahagian daripada inisiatif program komponen amali Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan yang melibatkan penglibatan para pelatih secara berkumpulan dalam melaksanakan aktiviti kemasyarakatan melalui kerjasama antara PPB dan komuniti setempat. Selain itu, seramai 28 pelatih turut menyumbangkan infak dalam bentuk penyediaan hamper Hari Raya yang disediakan sendiri oleh para pelatih selaras dengan kemahiran yang telah mereka

pelajari sepanjang bengkel berkenaan. Produk yang disumbangkan merupakan hasil tangan pelatih sendiri dan diagihkan kepada para penerima yang terlibat. Objektif pelaksanaan projek berkenaan adalah bagi mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang pastri, di samping meningkatkan keyakinan diri dalam pembuatan kuih-muih. Projek berkenaan juga memberi peluang kepada para pelatih untuk menyumbangkan tenaga, pengetahuan dan kemahiran mereka kepada masyarakat, seterusnya memupuk semangat bantu - membantu serta memperkukuh nilai keprihatinan dalam kerja - kerja kemasyarakatan.

**JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK**  
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

## NASIHAT BERBELANJA DALAM TALIAN

**Fikir sebelum beli**

"buleh percaya kan tu?"

"mun barang inda sampai, kana mulihkan usinku kan ni?"

"ok kan tu? selamat kah jual bali cemani ani?"

"iawah? banar kan tawarannya ani?"

**Jadi pengguna yang bertanggungjawab**

- Semak ulasan terlebih dahulu, beli dari sumber yang dipercayai.
- Dapatkan resit rasmi.
- Fahami polisi bayaran balik dan jaminan.
- Jika ragu, elakkan berurusan dengan mereka.

Perintah Pelindungan Pengguna (Perdagangan Wajar) dikenakan ke atas transaksi Perniagaan-ke-Pengguna



KEMENTERIAN PERTAHANAN

**Rujukan Tawaran:**  
MINDEF / DFA / FY2025 / ITAU / TA / GEN / 008  
[JPPK / LTN / 19 / 2025]  
Proposed Combined Construction Of The Warrant Officer's And Sergeant Mess Brunei Garrison Estate Development Plan, Jalan Satu Selatan, Seria, Negara Brunei Darussalam

**Kelas:**  
V dan Ke Atas

**Kategori:**  
KA01 dan B01

**Tempoh Penyiapan Kerja:**  
Lima Belas (15) Bulan

**Yuran Tawaran:**  
BND500.00  
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah pada  
**Selasa, 17 Mac 2026**

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
31 Mac 2026  
(Selasa)  
2.00 Petang

**Rujukan Tawaran:**  
MINDEF / DFA / FY2025 / ITAU / TA / GSU / 002  
[JPPK / LTN / 22 / 2025]  
Proposed Upgrading, Supply And Install Addressable Fire Alarm System And Interconnection Of All Fire Alarm Panels In Gurkha Security Unit, Sungai Akar Camp

**Kelas:**  
III dan Ke Atas

**Kategori:**  
KPMEE05, E01 dan E02

**Tempoh Penyiapan Kerja :**  
Lapan (08) Bulan

**Yuran Tawaran:**  
BND100.00  
(Tidak dikembalikan)  
Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah pada  
**Selasa, 17 Mac 2026**

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
31 Mac 2026  
(Selasa)  
2.00 petang

**Rujukan Tawaran:**  
MINDEF / DFA / FY2025 / ITAU / TA / PEN / 003  
[JPPK / LTN / 26 / 2025]  
Proposed Design And Build On Renovation Of Existing Office Space To Research And Development Laboratory At Pejabat Gaji, Penanjong Garrison

**Kelas:**  
III dan Ke Atas

**Kategori:**  
KA01 dan B01

**Tempoh Penyiapan Kerja:**  
Enam (06) Bulan

**Yuran Tawaran:**  
BND50.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah pada  
**Selasa, 17 Mac 2026**

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
31 Mac 2026  
(Selasa)  
2.00 petang



JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK  
JABATAN TENAGA  
JABATAN PERDANA MENTERI

**Jemputan Untuk Memberi Tawaran**  
Jabatan Perkhidmatan Elektrik  
Negara Brunei Darussalam

**Bilangan Tawaran:**  
JPE / LTK / DIS / 124 / 2025

**Tajuk:**  
Wayleave Maintenance Of 28ft / 35ft Of 415v / 11kv Overhead Lines And Poles In Sengkurong Area For A Period Of (3) Years

**Tarikh Tutup:**  
10 Mac 2026  
(Selasa, Jam 12.00 Tengah Hari)

**Harga Dokumen:**  
BND100.00 (Tidak Dikembalikan)

**Tempat Tutup:**  
Tender Box  
Pengerusi Lembaga  
Tawaran Kecil,  
Jabatan Perdana Menteri,  
Lobi Utama, Aras 1,  
Bangunan Jabatan  
Perdana Menteri,  
Jabatan Perdana Menteri,  
Bandar Seri Begawan, BB3913,  
Negara Brunei Darussalam

**Kelayakan:**  
Mempunyai pendaftaran syarikat dengan Kementerian Pembangunan dalam Kelas 3, 4 atau 5, dalam Kategori E02

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperoleh dari Kaunter Unit Tawaran dan Sebut harga, Tingkat 4, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

**Perhatian:**  
Sila sertakan salinan BUSINESS NAMES ENACTMENT, 1958 - SECTION 16 & 17, Sijil Pendaftaran Pemborong (MOD), Sijil Tabung Amanah Pekerja, TAP Employer Contribution dan Certificate of Tax Compliance semasa menghantar dokumen ini ke Jabatan Perkhidmatan Elektrik



**Jemputan Untuk Memberi Tawaran**  
Jabatan Perkhidmatan Elektrik  
Negara Brunei Darussalam

**Bilangan dan Tajuk Tawaran:**  
JPE / LTK / JAN / 128 / 2025

**Tajuk:**  
Replacement Of GPS2 GTG20 Cooling Tower

**Tarikh Tutup:**  
Selasa,  
10 Mac 2026  
Jam 12.00 Tengah Hari

**Harga Dokumen:**  
BND100.00  
(Tidak Dikembalikan)

**Tempat Tutup:**  
Peti Tawaran,  
Pengerusi Lembaga  
Tawaran Kecil  
Jabatan Perdana Menteri,  
Lobi Utama,  
Aras 1  
Bangunan Jabatan  
Perdana Menteri  
Jabatan Perdana Menteri  
Bandar Seri Begawan,  
BB3913  
Negara Brunei Darussalam

**Kelayakan:**  
Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan:

**Kategori:**  
M03

**Kelas:**  
III, IV Atau V

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperoleh dari **Kaunter Unit Tawaran Tingkat 4, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Negara Brunei Darussalam.**



KEMENTERIAN HAL  
EHWAL UGAMA

**Tawaran Perkhidmatan Kantin Bagi Sekolah Arab Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal EHWal Ugama**

**Bilangan Tawaran Dan Nama Sekolah Ugama:**  
KHEU / JPI / KANTIN-A / 03 / 06  
Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Katok, Daerah Brunei Dan Muara

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Rabu,  
21 Ramadan 1447H /  
11 Mac 2026M  
Sebelum jam  
12.00 Tengah Hari



JABATAN PERDANA MENTERI

**Bilangan Dan Tajuk Tawaran:**  
JPM / JKDN / UKDS / 25-26 - SBH#19  
Bagi Penyediaan, Perbekalan Dan Penghantaran Air Minuman 5-Galon, Mesin Penapis Air (Panas & Sejuk), Dan Air Minuman Botol 600ml Bagi Tempoh Dua (2) Tahun Di Blok 17, Simpang 32-15, Kampung Anggerek Desa, Jalan Anggerek Desa, Mukim Berakas A, BB3510, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Khamis,  
19 Mac 2026  
Jam 12.00 Tengah Hari

**Yuran Tawaran:**  
Percuma



**Bilangan Dan Tajuk Tawaran:-**  
JPM / JKDN / UKDS / 25-26 - SBH#18  
Kontrak Bertempoh Dalam Masa Dua (2) Tahun Bagi Perkhidmatan Pengumpulan Sisa Domestik Unit Keselamatan, Jabatan Keselamatan Dalam Negeri Di Blok 17, Simpang 32-15, Kampung Anggerek Desa, Jalan Anggerek Desa, Mukim Berakas A, BB3510, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Khamis,  
19 Mac 2026  
Jam 12.00 Tengah Hari

**Yuran Tawaran:**  
Percuma





KEMENTERIAN KESIHATAN

**Bilangan Sebut Harga:**  
BME / A2K / (1598) / 2025 / HTD (A12)

**Keterangan:**  
Supply, Delivery And Installation Of Batteries For Mindray Defibrillators, Model D1 (AED), C1A (AED) And D3 In Ministry Of Health

**Bilangan Sebut Harga:**  
BME / A2K / (1604) / 2026 / HTD (A17)

**Keterangan:**  
To Service And Repair One (1) Unit Of Hirayama Laboratory Autoclave, BME7123, Model: HV-110, SN: 30509030649 At Clinical Microbiology Reference Lab, RIPAS Hospital (WO: 2025-10353)

**Bilangan Sebut Harga:**  
BME / A2K / (1590) / 2026 / HTD (B4)

**Keterangan:**  
To Repair Two (2) Units Of Warmer Blanket, Brand: CSZ At Ward 11 And ICU 2, RIPASH

**Bilangan Sebut Harga:**  
BME / A2K / (1589) / 2026 / HTD (B4)

**Keterangan:**  
One Of Preventive Maintenance Of Transport Ventilator, Brand: Hamilton Model: T1 BME NO: 25958, SN: 17756 At Emergency Department RIPASH

**Bilangan Sebut Harga:**  
(03)JPR / QTN / 2026

**Keterangan:**  
To Supply, Replace, Install And Testing Examination Lights At Kuala Belait Dialysis Centre, Suri Seri Begawan Hospital, Kuala Belait

**Bilangan Sebut Harga:**  
(10)PIHMH / KEW / 015 PT.I

**Keterangan:**  
Replacement Works Of Amoured Cables For Generator Set At Hospital Pengiran Isteri Hajjah



Mariam, Temburong

**Bilangan Sebut Harga:**  
42 / QTN / JPK / 2025

**Keterangan:**  
Supply And Delivery Of Four Thousand (4,000) Pieces Of Psikologi File With Plastic Fastener For Public Psikologi Unit, Department Of Health Services, Ministry Of Health

**Bilangan Sebut Harga:**  
(12) PSD / QTN / 2026 - PEROLEHAN

**Keterangan:**  
Pembekalan Dan Penghantaran Makanan (Buffet Dan Packed Food) Bagi Pegawai Dan Kakitangan Kementerian Kesihatan Bagi Upacara Atau Majlis Rasmi Yang Dikendalikan Di Kementerian Kesihatan

**Bilangan Sebut Harga:**  
(01)IKLAN-QTN / UPP.HRIPAS / 2026 / GERIATRIC UNIT

**Keterangan:**  
Supply And Deliver Medical Consumables (Nasojejunal Feeding Tube) For Geriatric And Palliative Unit At Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Hospital

**Bilangan Sebut Harga:**  
41 / QTN / JPK / 2025

**Keterangan:**  
Supply And Replace With New Public Address Center System (For Ground Floor, 1st Floor & 2nd Floor) PAPHMWHB Gadong Health Centre

**Bilangan Sebut Harga:**  
43 / QTN / JPK / 2025

**Keterangan:**  
Replacement Of New Fire Alarm Panel & New Electric Pump C/W Related Item, Health Centres

**Bilangan Sebut Harga:**  
PPS / QTN / 11 / 2026

**Keterangan:**  
1/ Mupirocin Nasal Ointment 2% Qty: 250 x 3g

2/ Memantine 10mg oral solid preparation preferably tablet Qty: 170 x 60's

**Bilangan Sebut Harga:**  
PPS / QTN / 12 / 2026

**Keterangan:**  
Oxytetracycline 5mg With Polymycin B 1mg (10,000ug) Eye Ointment As Terramycin Eye Ointment Or Its Equivalent Qty: 12,500 x tube of 3.5g

**Bilangan Sebut Harga:**  
PPS / QTN / 13 / 2026

**Keterangan:**  
1/ Rivaroxaban 15mg Oral Solid Preparation Preferably Scored Tablet Qty: 120 x 28's

2/ Semaglutide 3mg Oral Solid Preparation Preferably Tablet Qty: 60 x 30's

**Bilangan Sebut Harga:**  
PPS / QTN / 14 / 2026

**Keterangan:**  
1/ Semaglutide 0.25mg Solution For Injection (1mg of Semaglutide in 1.5ml Prefilled Pen) Inclusive Of Needles as Wegovy or Its Equivalent Qty: 10 x prefilled pen

2/ Semaglutide 0.5mg Solution For Injection (2mg of Semaglutide in 1.5ml Prefilled Pen) Inclusive Of Needles As Wegovy or Its Equivalent Qty: 10 x prefilled pen

**Bilangan Sebut Harga:**  
PPS / QTN / 15 / 2026

**Keterangan:**  
1/ Semaglutide 1mg Solution For Injection (4mg of Semaglutide in 3ml Prefilled Pen) Inclusive Of Needles as Wegovy or Its Equivalent Qty: 10 x prefilled pen

2/ Semaglutide 1.7mg Solution For Injection (6.8mg of Semaglutide in 3ml Prefilled Pen) Inclusive Of Needles as Wegovy or Its Equivalent Qty: 10 x prefilled pen

3/ Semaglutide 2.4mg Solution For Injection (9.6mg of Semaglutide in 3ml Prefilled Pen) Inclusive Of Needles as Wegovy or Its Equivalent Qty: 80 x prefilled pen

**Bilangan Sebut Harga:**  
PPS / QTN / 16 / 2026

**Keterangan:**  
1/ Alprazolam 0.25mg Oral Solid Preparation Preferably Scored Tablet Qty: 250 x 100's

2/ Melatonin 2mg Modified Release Oral Solid Preparation Preferably Scored Tablet Qty: 500 x 30's

**Bilangan Sebut Harga:**  
PPS / QTN / 17 / 2026

**Keterangan:**  
1/ Pancreatin 10,000IU Oral Solid Preparation Preferably Scored Tablet Qty: 130 x 100's

2/ Pancreatin 0.125mg Oral Solid Preparation Preferably Tablet Qty: 120 x 30's

**Bilangan Sebut Harga:**  
PPS / QTN / 18 / 2026

**Keterangan:**  
Sofosbuvir 400mg, Velpatasvir 100mg, Voxilaprevir 100mg Oral Solid Preparation Preferably Tablet as Vosevi or Its Equivalent Qty: 3 x 28's

**Bilangan Sebut Harga:**  
PPS / QTN / 19 / 2026

**Keterangan:**  
Basiliximab 20mg Injection Qty: 12 vials

**Bilangan Sebut Harga:**  
PPS / QTN / 20 / 2026

**Keterangan:**  
Yellow Fever Vaccine (Live) Qty: 200 x 1 dose vial + prefilled syringe

**Bilangan Sebut Harga:**  
(13) PSD / QTN / 2026 - (ESTETMOH)


**Keterangan:**  
To Trace And Divert Existing Fire Alarm Circuit To New Addressible Fire Alarm Panel From State Medical Store Building To Vector Building, Kg Madaras

**Bilangan Sebut Harga:**  
(14) PSD / QTN / 2026 - (JDP)

**Keterangan:**  
Pembelian Kerusi Pejabat Untuk Bilik Mesyuarat Jabatan Dasar Dan Perancangan

**Yuran Tawaran:**  
BND5.00

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**  
14 Mac 2026  
Jam 9.00 Pagi



## PERATURAN PENGIKLANAN (SEKTOR AWAM / KERAJAAN) DI PELITA BRUNEI

**IKLAN** dalam salinan liut (*soft copy*) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi **iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan **Microsoft Word** dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar menggunakan **BAHASA MELAYU SAHAJA**.

- Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :


E-MEL : [iklan.pb@information.gov.bn](mailto:iklan.pb@information.gov.bn)


BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI : **+673 2383400**  
**sambungan Meja Iklan**

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.






**UNIVERSITI BRUNEI  
DARUSSALAM**

**Bilangan dan Tajuk Tawaran:**

UBD / E8 / 005 / 2025 – (T)  
Renovation Works For Sultan  
Hassanal Bolkiah Institute Of  
Education Joint Centre,  
Universiti Brunei Darussalam

**Kelas:**

II and above

**Kategori:**

B01, E01

**Bayaran Tawaran:**

Bayaran Dokumen & Pentadbiran  
(termasuk e-Dokumen)  
BND35.00  
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Tutup Tawaran**

**Dilanjutkan:**

Selasa,  
10 Mac 2026  
Jam 2.00 Petang



**JABATAN BANDARAN  
BANDAR SERI BEGAWAN  
KEMENTERIAN HAL EHWAL  
DALAM NEGERI**

**Bilangan Rujukan:**  
JBBSB / SH / 2025 – 2026 /  
79 / UP / 33

**Tajuk Sebut Harga:**  
Two (2) Years Term  
Contract For Building  
Maintenance Management At  
Kompleks Tamu Kianggeh,  
Bandar Seri Begawan

**Hari, Tarikh dan**

**Jam Tutup:**  
Khamis,  
5 Mac 2026  
Jam 2.00  
Petang



**BIRO  
MENCEGAH RASUAH**

**Bilangan Tawaran:**  
BMR / SH / 01 / 2026 / 2027

**Tajuk Tawaran:**  
Tawaran Pemeliharaan Landskap  
Dan Pemotongan Rumpuk  
Kawasan Ibu Pejabat Dan  
Bangunan Baharu Biro Mencegah  
Rasuah.

**Bilangan Tawaran:**  
BMR / SH / 02 / 2026 / 2027

**Tajuk Tawaran:**  
Tawaran Kerja-Kerja Pemotongan  
Rumpuk Kawasan Perumahan  
Biro Mencegah Rasuah Simpang  
336-52-38 Dan 336-52-30,  
Taman Musyassarah Jalan  
Kebangsaan Lama.

**Bilangan Tawaran:**  
BMR / SH / 04 / 2026 / 2027

**Tajuk Tawaran:**  
Tawaran Pemeliharaan Landskap  
Dan Pemotongan Rumpuk  
Kawasan Cawangan Biro  
Mencegah Rasuah (BMR) Kuala  
Belait Termasuk Kawasan  
Perumahan No.3 Jalan Sungai  
Pandan Kuala Belait,  
Negara Brunei Darussalam.

**Bilangan Tawaran:**  
BMR / SH / 05 / 2026 / 2027

**Tajuk Tawaran**  
Tawaran Perkhidmatan  
Pengangkutan Sampah Bagi  
Cawangan Biro Mencegah  
Rasuah (BMR) Kuala Belait  
Termasuk Kawasan Perumahan  
No. 3 Jalan Sungai Pandan Kuala  
Belait Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Selasa, 10 Mac 2026, 11.00 Pagi



**JABATAN PENGAJIAN ISLAM  
KEMENTERIAN HAL  
EHWAL UGAMA**

**Iklan Tarikh Lanjutan**

**Bilangan Sebut Harga:**  
KHEU / JPI / LTK / PPPB / SUL /  
2025 - 2026  
Perkhidmatan Pengurusan dan  
Pembersihan Bangunan  
(Housekeeping) Tempoh 24 Bulan  
Bagi Sekolah Ugama Lamunin,  
Tutong I Di Bawah Kawalan  
Jabatan Pengajian Islam,  
Kementerian Hal EHWal Ugama  
Tahun 1447H - 1448H /  
2025M – 2026M

**Tarikh Tutup:**  
Selasa, 20 Ramadan 1447H /  
10 Mac 2026M  
Tidak lewat jam  
12.00 Tengah Hari



**IKLAN JAWATAN KOSONG  
PERKHIDMATAN AWAM**

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT  
KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI  
DI [WWW.RECRUITMENT.GOV.BN](http://WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)

**PERINGATAN PENTING**

1. **Teliti Skim Iklan** sebelum memohon.
2. **Profil yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat kelayakan** skim iklan akan ditolak.
3. **Lengkapkan Profil PSCR 2.0** ([WWW.RECRUITMENT.GOV.BN](http://WWW.RECRUITMENT.GOV.BN))
4. **Lengkapkan Kelulusan** (Depositi / pengikutan serta indeks / bidang kelulusan)
5. **Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap** (Sijil, transkrip dan pengiktirafan Pajin Keluasan Pengiktirafan Kelulusan (PKPK) yang berkesan)
6. **Tandakan "X"** pada kotak semak "Jawatan Sekarang" di dalam ruangan "Pengalaman Kerja Kerajaan"
7. **Lengkapkan Maklumat** (Borang / permohonan / Pajin Keluasan Perkhidmatan Awam / latihan latihan / kelulusan profesional dan latihan yang diperjelaskan di dalam skim iklan)



JAWATAN, TANGGA GAJI DAN BILANGAN IKLAN	URUS SETIA PENGAMBILAN	KEKOSONGAN	JENIS IKLAN	TARIKH TUTUP PERMOHONAN
1. JURUTEKNIK PELAJARAN KESIHATAN KEMENTERIAN KESIHATAN D.4 EB.5 (BAHAGIAN IV) 2026/FEB/03/KKS	KEMENTERIAN KESIHATAN	02	7(A)	04 MAC 2026
2. PENOLONG PEGAWAI HAL EHWAL BEKAS PERAJURIT JABATANARAH KEANGGOTAAN KEMENTERIAN PERTAHANAN C.3-4 EB.5 (BAHAGIAN III) 2026/FEB/01/KPTH	KEMENTERIAN PERTAHANAN	01	7(A)	04 MAC 2026
3. PEKERJA AM TINGKAT I KEMENTERIAN PEMBANGUNAN E.1-2-3 EB.4 (BAHAGIAN V) 2026/FEB/02/KPBG	KEMENTERIAN PEMBANGUNAN	04	7(A)	07 MAC 2026
4. PEMBANTU JURURAWAT (BIDANG KEJURURAWATAN AM / PERBIDANAN) KEMENTERIAN KESIHATAN M.4-5 EB.6 (BAHAGIAN IV) 2026/FEB/05/KKS	KEMENTERIAN KESIHATAN	100	7(A)	07 MAC 2026

- PERINGATAN:
1. BAKI MELIHAT IKLAN JAWATAN KOSONG, SILA DAFTAR MASUK KE PROFIL PSCR 2.0, KLIK "DASHBOARD BAYA" DAN KEMUDIAN KLIK "IKLAN JAWATAN KOSONG"
  2. PEMOHON YANG BUKAN TERDIRI DARI PEGAWAI DAN KAKITANGAN KERAJAAN HANYA BOLEH MELIHAT JAWATAN YANG DIKLANKAN DIBAWAH PERATURAN 7(A) SAHAJA.
  3. PANDUAN PSCR 2.0 DAN SOALAN-SOALAN LAZIM BOLEH DIPEROLEHI DI [WWW.RECRUITMENT.GOV.BN](http://WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)



**KESALAHAN-KESALAHAN  
DI BAWAH**

**AKTA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM (PENGAL 83)**

**BAB 5 DARI BAHAGIAN III KESALAHAN-KESALAHAN**

Individu yang didapati dengan sengaja **memberikan maklumat yang tidak benar / menyertakan sijil-sijil yang palsu atau mengelirukan / menyembunyikan maklumat atau sijil-sijil** bagi tujuan mengelirukan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan Ahli-Ahli Suruhanjaya atau mana-mana orang yang dilantik untuk menjalankan tugas-tugas Suruhanjaya dalam memproses permohonan jawatan berkenaan.

**DENDA SEBANYAK  
\$10,000  
DAN PENJARA SELAMA  
2 TAHUN**



**PERATURAN 13 DAN PERATURAN 14 DARI  
PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI-PEGAWAI  
KERAJAAN (LANTIKAN-LANTIKAN DAN  
KENAIKAN-KENAIKAN PANGKAT)**

Pada bila-bila masa selepas individu diberi tawaran jawatan atau selepas dilantik **telah didapati pengakuan sumpah yang mereka buat adalah tidak benar.**

**DIKENAKAN TINDAKAN  
TATATERTIB DAN BOLEH  
DITAMATKAN PERKHIDMATAN  
DENGAN SERTA-MERTA.**



**JABATAN KERJA RAYA  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Iklan Tarikh Lanjutan**

**Dibukakan Kepada  
Pemborong-Pemborong Yang  
Berdaftar Dengan Kementerian  
Pembangunan Di Dalam**

**Kelas:**

V Atau VI

**Kategori:**

M01

**Tarikh Akhir Mengambil  
Dokumen Tawaran Pada:**

Selasa,  
24 Februari 2026  
Tidak Lewat Jam  
12.00 Tengah hari

**Tarikh Tutup:**

Selasa,  
3 Mac 2026  
Tidak Lewat Jam  
12.00 Tengah hari

**Bilangan Tawaran:**

JKR / DME / BP / 02 / 2026

**Nama Projek:**

Kerja-Kerja Penggantian  
Sistem Penghawa Dingin  
Di Bangunan Tarindak D' Seni,  
Bandar Seri Begawan

**Yuran Tawaran:**

BND500.00  
(Tidak Dikembalikan)

**Dibukakan Kepada  
Pemborong-Pemborong  
Yang Berdaftar  
Dengan Kementerian  
Pembangunan Di Dalam**

**Kelas:**  
III & IV

**Kategori:**  
B01  
(Kod Baharu)

**Tarikh Akhir Mengambil  
Dokumen Tawaran:**  
Selasa,  
3 Mac 2026

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Selasa,  
17 Mac 2026,  
Tidak lewat jam  
12.00 Tengah Hari

**Bilangan Tawaran:**  
JKR / DTS / 03 / CQS /  
2026-T / III

**Nama Projek:**  
Pembinaan Courtyard Kiri Dan  
Kanan Masjid Rancangan  
Perumahan Negara Kampung  
Rimba – Design And Build


**Yuran Tawaran:**  
BND50.00  
(Tidak dikembalikan)

**Yuran E-Dokumen:**





# PENYAKIT KARDIOVASKULAR



**DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM:**

penyakit kardiovaskular adalah penyebab kematian yang **ke-2** tertinggi

## FAKTOR RISIKO

- Peningkatan umur
- Lelaki mempunyai risiko yang lebih tinggi dari wanita
- Mempunyai ahli keluarga yang menghidap penyakit kardiovaskular
- Tidak aktif secara fizikal
- Mengamalkan pemakanan yang tidak sihat
- Merokok
- Meminum alkohol yang berlebihan
- Obes
- Tekanan darah tinggi
- Mempunyai paras kolesterol yang tinggi dalam darah
- Diabetis (kencing manis)
- Stres

## LANGKAH PENCEGAHAN



Tidak merokok



Ketahui tekanan darah awda



Mengekalkan berat badan yang sihat



Meningkatkan aktiviti fizikal



Kawal paras kolesterol dan gula dalam darah awda



Amalkan pemakanan sihat. Kurangkan makanan tinggi garam, lemak dan gula



Tangani stres dengan bijak



Elakkan meminum minuman keras

## TANDA-TANDA PENYAKIT

- Sesak nafas
- Sakit dada yang menekan-nekan bermula di bahagian tengah atau kiri dada dan biasanya merebak ke lengan kiri dan leher
- Sakit mencengkam sehingga boleh menyebabkan pitam atau pengsan
- Berpeluh dingin
- Berasa sejuk walaupun suhu persekitaran panas
- Pening kepala dan berasa loya
- Kebas
- Kerap kencing malam
- Haus / dahaga
- Penglihatan kabur
- Jantung berdebar

*Jika awda mengalami tanda-tanda tersebut, sila berjumpa dengan doktor untuk pemeriksaan lanjut.*

*"Fahami risiko awda"*

Sila imbas untuk mendaftar program pemeriksaan faktor risiko kardiovaskular



# MEMUPUK BUDAYA ORGANISASI BERAKAUNTABILITI, INKLUSIF DALAM PA



SEBAHAGIAN yang hadir pada Ramadan Talk Series anjuran Institut Perkhidmatan Awam.

TUNGGU, Khamis, 26 Februari. - Institut Perkhidmatan Awam (IPA) menganjurkan Ramadan Talk Series pada hari ini dengan tema 'Maqasid Syariah Seiring Transformasi Perkhidmatan Awam'. Program berkenaan dihadiri

oleh pegawai - pegawai Perkhidmatan Awam (PA) bagi mendengarkan usaha memperkukuh tadbir urus dan penyampaian perkhidmatan berteraskan prinsip-prinsip Islam.

Ceramah disampaikan oleh Penolong Profesor di Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dr. Haji Noralizam bin Haji Aliakhbar.

Sesi forum seterusnya menampilkan penceramah utama, iaitu Dr. Haji Noralizam di samping Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II, Jabatan Hal Ehwal Syariah, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Muhammad Yusof bin Haji Abdul Majid serta Dayang Nur Edzalina binti Haji Idris dari Pejabat Wawasan Brunei, Jabatan Perdana Menteri.

Sesi berkenaan telah

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto : Azmah Haji Ahad

dikendalikan oleh Pegawai Latihan IPA, Awang Haji Noor Hussein bin Haji Mohd. Hussein.

Sesi perbincangan interaktif telah memperkukuh lagi kepentingan Maqasid Syariah sebagai asas kepada pembentukan sektor awam yang progresif dan berteraskan nilai.

Program berkenaan bertujuan meningkatkan kefahaman mengenai transformasi PA melalui perspektif Maqasid Syariah, khususnya dalam menyokong Wawasan Brunei 2035. Selain itu, ia turut menekankan kepentingan memupuk budaya organisasi yang berakauntabiliti dan inklusif, menjadikan Maqasid Syariah sebagai kerangka panduan dalam pembangunan dasar dan perancangan strategik, serta menggalakkan pembuatan keputusan yang beretika dan berintegriti.



CERAMAH disampaikan oleh Penolong Profesor di Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Dr. Haji Noralizam bin Haji Aliakhbar.

Sesi berkenaan juga menegaskan peranan prinsip-prinsip tersebut dalam mempertingkatkan tadbir urus dan mencegah salah laku dalam PA.

## Memperkukuh penghayatan melalui Tadabbur Al-Quran



SEKITAR Program Siri Tadabbur Al-Quran 9.0, bagi minggu pertama yang diadakan di Dewan Serbaguna, Pusat Da'wah Islamiah, Pulaie (atas dan bawah).



Siaran Akhbar dan Foto : Pusat Da'wah Islamiah

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 26 Februari. - Badan Sukarelawan Belia Da'ie dengan sokongan Urus Setia Program Keugamaan Belia, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama petang tadi mengadakan Program Siri Tadabbur Al-Quran 9.0, bagi minggu pertama bertempat di Dewan Serbaguna, PDI, Pulaie.

Program bertajuk 'Tersalah Bukan Penamat Segala-galanya' dimulakan dengan mukadimah yang disampaikan oleh Awang Muhammad Amin bin Alias. Diikuti dengan bacaan Surah Al-A'raf, ayat 22 hingga 23 berserta terjemahan oleh Awang Mohammad Norhadi

Yussof@Yusreen bin Abdullah.

Acara diteruskan dengan Kuliah Tadabbur bertajuk 'Tersalah Bukan Penamat Segala-galanya' disampaikan oleh Pegawai Ugama, PDI, Awang Mohammad Nasyith bin Superi.

Dalam penyampaian, beliau membawa para peserta menelusuri jejak kisah Nabi Adam Alaihissalam dengan penekanan bahawa manusia tidak terlepas daripada melakukan kesalahan, namun dituntut untuk segera kembali kepada Allah Subhanahu Wata'ala melalui taubat dan istighfar yang sebenar.

Program Siri Tadabbur Al-Quran 9.0 ini turut diisikan dengan sesi

soal jawab bersama penceramah bagi merungkai persoalan yang dibangkitkan oleh para peserta. Acara juga dimeriahkan dengan kuiz interaktif.

Majlis diakhiri dengan penyampaian hadiah kepada para pemenang kuiz, penyampaian cenderahati kepada penceramah undangan, serta sesi bergambar ramai sebelum bersurai.

Program ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan dengan kehadiran seramai 45 orang peserta.

Rakaman penuh Program Siri Tadabbur Al-Quran Kali Ke-9 juga boleh ditonton melalui Instagram rasmi Belia Da'ie iaitu @beliadaie.

Pada tahun ini, Siri Tadabbur Al-Quran menegenakkan tema baharu iaitu 'Menuju Wawasan 2035: Langkah Belia, Jejak Al-Anbiya', sebagai satu inisiatif memperkasa peranan generasi muda melalui penghayatan kisah para Al-Anbiya' dalam Al-Quran, selaras dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035.

Tema tersebut menekankan peranan belia sebagai ejen perubahan yang bukan sahaja berorientasikan pembangunan negara, malah berpaksikan panduan wahyu dalam mendepani cabaran semasa.

Program Siri Tadabbur Al-Quran Kali Ke-9 dirancang khusus untuk mewujudkan suasana mesra dan inklusif dalam kalangan belia dan masyarakat awam. Ia dikendalikan pada setiap hari Khamis selama empat minggu berturut-turut sepanjang bulan Ramadan.

Antara objektif utama program ini ialah untuk memperkukuhkan penghayatan Al-Quran melalui pendekatan Tadabbur yang lebih mendalam, memupuk kecintaan terhadap Islam melalui perkongsian secara tematik, menjadikan kisah para nabi sebagai teladan, serta menghidupkan majlis ilmu di samping mengeratkan silaturahim dalam kalangan ahli belia da'ie, alumni Akademi Da'wah dan orang ramai.

**ELAKKAN MENEKAN BREK JIKA KENDERAAN AWDA TERBABAS**

Biarkan kenderaan awda meluncur dan gunakan stereng untuk menghalakan kenderaan awda ke tempat yang selamat

**ELAKKAN MEMANDU DI LORONG KANAN**

Kenderaan lain yang datang dari arah berlawanan mungkin akan melanggar lopak air lalu ia akan menyebabkan air terpercik memenuhi cermin hadapan kereta dan menghalang penglihatan anda

bruneiweather @brunei.weather Weather Line 114 www.met.gov.bn

# OPERASI KAKAS DAPATI BEBERAPA KESALAHAN DI BAWAH AKTA IMIGRESEN



SEKITAR dua Operasi Kakas di bawah Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) yang mana menyasarkan kepada beberapa lokasi di Negara Brunei Darussalam (NBD) (atas dan kanan).

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Penguatkuasa Undang-Undang Khamis, 26 Februari. - Dalam telah pun melaksanakan dua menguatkuasakan Akta Operasi Kakas di bawah Jabatan dan Peraturan, Bahagian Imigresen dan Pendaftaran

Kebangsaan (JIPK) yang mana menyasarkan kepada beberapa lokasi di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Menurut kenyataan yang dikeluarkan oleh JIPK, semasa Operasi Kakas 18/2026 di rumah kebun Mukim Pengkalan Batu, seramai lima orang warganegara asing telah pun diperiksa yang mana seorang daripadanya telah ditahan dan dibawa ke Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang bagi siasatan lanjut kerana dipercayai melakukan kesalahan di bawah Bab 15(1), Akta Imigresen, Penggal 17 iaitu tinggal lebih masa di NBD setelah Pas Imigresennya mansuh.

Manakala semasa Operasi Kakas 19/2026 di bilik-bilik sewa Mukim Kilanas, seramai sembilan orang warganegara asing telah diperiksa dan lima orang daripadanya telah pun ditahan dan dibawa ke Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang bagi siasatan lanjut.

Lima individu tersebut dipercayai melakukan kesalahan-kesalahan di bawah Bab 15(1), Akta Imigresen, Penggal 17 iaitu tinggal

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan



lebih masa di NBD setelah pas imigresen mansuh dan kesalahan di bawah Peraturan 9(4), Akta Imigresen, Penggal 17 iaitu bekerja menggunakan Pas Lawatan. Bagi sebarang maklumat

kesalahan di bawah JIPK, sila hubungi Talian Hotline Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang di talian +673 8734888 / +673 8753888 (Bandar Seri Begawan) / +673 8984111 (Kuala Belait).

# Operasi Usai pastikan Akta Pekerjaan dipatuhi

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Buruh

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 26 Februari. - Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang, Jabatan Buruh telah menjalankan Operasi Usai 24/2026 di Kampung Ong Sum Ping pada 7 Februari lalu, bertujuan untuk menguatkuasakan dan memastikan Akta Pekerjaan, Penggal 278 dipatuhi oleh para majikan. Pemeriksaan ke atas kegiatan membaiki sistem palang masuk mendapati sebanyak dua kesalahan di bawah Akta Pekerjaan, Penggal 278 yang dipercayai dilakukan oleh



OPERASI Usai 24/2026 di Kampung Ong Sum Ping pada 7 Februari lalu, bertujuan untuk menguatkuasakan dan memastikan Akta Pekerjaan, Penggal 278 dipatuhi oleh para majikan (kanan dan bawah kiri).

majikan iaitu Bab 44, Membuat pemotongan gaji yang bertentangan dengan Akta Pekerjaan, Penggal 278 dan Bab 72, Gagal memberikan cuti sakit yang disahkan oleh pengamal perubatan.

Siasatan lanjut akan dijalankan bagi kesalahan melanggar Akta Pekerjaan, Penggal 278, jika sabit kesalahan, majikan boleh dikenakan denda kompaun tidak lebih daripada BND1,000 bagi tiap-tiap kesalahan.

Jika gagal membayar denda kompaun tersebut, majikan akan dihadapkan ke mahkamah.

Sehubungan itu, Jabatan Buruh ingin mengingatkan kepada majikan supaya sentiasa



memantau hal ehwal kebajikan pekerja selaras dengan kehendak Akta Pekerjaan, Penggal 278 seperti majikan hendaklah tidak membuat pemotongan gaji yang tidak selaras dengan undang-undang dan memberikan cuti

sakit berbayar yang disahkan oleh pengamal perubatan.

Untuk makluman lebih lanjut bolehlah berhubung dengan Jabatan Buruh menerusi talian +673 2381848 (semasa waktu bekerja) atau +673 7298989 (di luar waktu bekerja).

## Zakat

Fitrah

BAGI TAHUN 1447H  
BERSAMAAN 2026M

Zakat Fitrah bagi tiap-tiap seorang Islam di Negara ini ialah 2 Kilo 268 Gram atau dengan nilai wang seperti berikut:

Beras Wangi :  
**\$ 2.84**

Beras Siam :  
**\$ 1.93**

RUJUKAN: SURAT PEMBERITAHUAN MAJLIS UGAMA ISLAM BIL: 2/2026

### WAKTU MEMBAYAR

- Waktu Harus: Sejak dari awal bulan Ramadhan
- Waktu Sunat: Selepas sembahyang Subuh sehingga mendirikan sembahyang Hari Raya
- Waktu Wajib: Setelah terbenam matahari akhir bulan Ramadhan
- Waktu Makruh: Selepas sembahyang Hari Raya sehingga terbenam matahari Hari Raya
- Waktu Haram: Setelah terbenam matahari Hari Raya pertama. Bahkan perbuatan ini adalah suatu dosa namun wajib dibayar juga sebagai qadha kerana dikeluarkan di luar waktu.

### TEMPAT MEMBAYAR

- Kaunter Perkhidmatan JUZWAB
- Amil-Amil yang Dilantik Seluruh Negara
- Secara atas Talian melalui:
  - DST E-Zakat
  - BIBD
  - TAIB
  - PROGRESIF
  - IMAGINE

**جہاتن اور ولسن زکاة، وقف صاران بیت المال**  
**JABATAN URUSAN ZAKAT, WAQAF DAN BAITULMAL**  
 Kementerian Hal Ehwal Ugama | Negara Brunei Darussalam

[www.mora.gov.bn](http://www.mora.gov.bn)
 juzwab\_kheu
 juzwab

# 8 WARGA TEMPATAN DITAHAN BAGI MEMBANTU SIASATAN



DALAM operasi tersebut, seramai lapan warga tempatan terdiri daripada enam lelaki dan dua perempuan berumur antara 20 hingga 60 tahun telah ditahan bagi membantu siasatan (kiri), manakala gambar kanan dan bawah kanan, peralatan yang dipercayai digunakan untuk penyalahgunaan dadah.



daripada enam lelaki dan dua perempuan berumur antara 20 hingga 60 tahun telah ditahan bagi membantu siasatan.

Pemeriksaan lanjut turut menemukan peralatan yang dipercayai digunakan untuk penyalahgunaan dadah. Kesemua tahanan bersama barang rampasan telah diserahkan kepada Biro Kawalan Narkotik (BKN) untuk siasatan lanjut.

PPDB akan terus mempergiatkan usaha membanteras kegiatan perjudian dan penyalahgunaan dadah serta menyeru orang ramai untuk terus menyalurkan maklumat bagi menjaga keselamatan dan kesejahteraan masyarakat.

## ■ Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

**GADONG**, Rabu, 25 Februari. - Bertindak atas maklumat orang ramai, sepasukan pegawai dan anggota daripada Unit Siasatan Penumpasan Perjudian dan Pencegahan Maksiat (USPPPM) serta Unit Siasatan Pecah Rumah dan Curi Kereta, Jabatan Siasatan

Jenayah (JSJ), Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) telah menjalankan serbuan di sebuah rumah di kawasan Kampung Mata-Mata, Gadong, yang disyaki menjadi lokasi kegiatan judi.

Dalam operasi tersebut, seramai lapan warga tempatan terdiri

## Warga asing didenda miliki barang tegahan



■ Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

memiliki barang tegahan kastam, iaitu 14 karton rokok dan lapan paket rokok pelbagai jenis.

Majistret, Qamarul Affyian bin Abdul Rahman membuat keputusan berkeputusan selepas Li Xiyin, 32 tahun, didapati bersalah terhadap pertuduhan mengikut Seksyen 146(1)(d) Perintah Eksais 2006 dan dijatuhkan hukuman.

Defendan ditangkap oleh

Pegawai Pemeriksa Kastam, di Bahagian Ketibaan, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, Berakas pada 24 Februari 2026.

Defendan dihukum denda Mahkamah sebanyak BND14,800 atau 13 bulan pemenjaraan jika gagal membayar keseluruhan denda. Semua barang yang terlibat iaitu rokok dihukum rampas untuk diserahkan ke kerajaan bagi tujuan dilupuskan.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 25 Februari. - Seorang lelaki warganegara China didakwa di Mahkamah Majistret atas satu pertuduhan kerana

## MINDA PEMBACA

### TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Memperkasa Budaya Membaca'. Tarikh Tutup : 4 Mac 2026
2. 'Puasa Sebagai Latihan Disiplin Diri'. Tarikh Tutup : 11 Mac 2026
3. 'Memupuk Budaya Menabung Sedari Kecil'. Tarikh Tutup : 18 Mac 2026

### TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkah dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

### SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan  
Lapangan Terbang Lama, Berakas  
Bandar Seri Begawan, BB3510  
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :

[pelita.brunei@information.gov.bn](mailto:pelita.brunei@information.gov.bn)

Menangi  
**BND75**

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

## Bantu kesan pekerja lari daripada majikan

■ Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

**TEMBURONG**, Rabu, 25 Februari. - Pihak Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) melalui Balai Polis Bangar, Temburong ingin memohon kerjasama dan bantuan orang ramai untuk mengesan seorang pekerja perempuan warganegara Indonesia yang dipercayai lari daripada majikan, iaitu Parti, berusia 48 tahun, dengan nombor pasport E9861767.

Jika terdapat sebarang maklumat mengenai beliau, sila hubungi Balai Polis Bangar, Temburong menerusi talian +673 5221333 atau Talian Kecemasan Polis 993 atau terus melaporkan ke balai-balai polis berdekatan.



WARGANEGARA Indonesia yang dipercayai lari daripada majikan, iaitu Parti.

## Pekerja lari daripada majikan

WARGANEGARA Indonesia, Wati, 32 tahun, yang dilaporkan lari daripada majikan.



**SENGKURONG**, Rabu, 25 Februari. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) ingin memohon kerjasama dan bantuan daripada orang ramai untuk mengesan seorang pekerja perempuan, warganegara Indonesia, Wati, 32 tahun, pemegang nombor pasport E9310833, yang dilaporkan lari daripada majikan.

Jika terdapat sebarang maklumat mengenai beliau, sila

hubungi Balai Polis Sengkurong menerusi talian +673 2661334 atau Talian Kecemasan Polis 993 atau terus melaporkan ke balai-balai polis berdekatan.



# Sunnah berbuka puasa dengan kurma

Rencana dan Foto : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland  
 Ilustrasi : Ak. Izzan Danish Pg. Idris, penempatan penuntut  
 Kolej Pengajian Siswazah Antarabangsa di Seksyen Reka Kreatif,  
 Bahagian Pelita brunei

**A**LHAMDULILLAH, bertemu kita kembali Ramadan yang penuh keberkatan, bulan yang dinanti-nantikan oleh seluruh umat Islam sebagai peluang untuk memperbanyakkan ibadah, memperbaiki diri serta meraih keampunan dan rahmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Kehadiran Ramadan juga tidak dapat dipisahkan dengan amalan berbuka puasa dengan kurma, yang bukan sahaja menjadi sunnah malah melambangkan kesederhanaan, kesihatan dan keberkatan dalam setiap juadah yang dinikmati.

Setiap kali tibanya bulan Ramadan, kurma menjadi antara makanan sunnah yang dicari-cari oleh umat Islam di seluruh dunia. Bukan hanya menjadi tumpuan ketika berbuka puasa, kurma juga dijadikan amalan oleh sebilangan besar umat Islam semasa bersahur.

Kurma mempunyai kedudukan istimewa kerana ia berkait rapat dengan amalan sunnah. Umat Islam digalakkan untuk berbuka puasa dengan kurma bagi mencontohi amalan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Hikmah di sebalik amalan ini amat jelas, kerana kurma mampu memberikan tenaga segera kepada tubuh selepas seharian menahan lapar dan dahaga. Kandungan gula semula jadi dalam kurma mudah diserap oleh badan, sekali gus membantu memulihkan tenaga dengan cepat.

## Keutamaan berbuka dengan kurma

Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Daud (no. 2355), Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

*"Apabila salah seorang di antara kamu berbuka puasa, hendaklah dia berbuka dengan kurma, tetapi jika tidak, hendaklah berbuka dengan air kerana air itu suci"*.

Hadis ini menjelaskan bahawa afdal bagi kita bersungkaik dengan memulakan memakan buah kurma dengan bilangan yang ganjil seperti satu, tiga, lima atau seterusnya. Jika tidak ada buah kurma, bersungkaiklah dengan beberapa teguk air. Ketahuilah bahawa bersungkaik dengan makan buah kurma mempunyai banyak hikmah, antaranya ialah untuk mendapat khasiat daripada kemanisan buah kurma itu sendiri kerana sesuatu yang manis itu lebih mudah dicerna oleh perut yang kosong. Dengan memakan kurma, kadar gula dalam darah dapat dinaikkan secara berperingkat, sekali gus mengurangkan risiko pening atau lemah selepas berbuka.

## Khasiat kurma untuk kesihatan

Kurma kaya dengan pelbagai nutrien penting termasuk serat, vitamin dan mineral seperti kalium, magnesium dan zat besi. Serat dalam kurma membantu melancarkan sistem pencernaan, manakala kalium dan magnesium berperanan menyeimbangkan elektrolit dalam tubuh yang hilang semasa berbuka puasa. Kandungan ini menjadikan kurma sebagai makanan yang bukan sahaja mengenyangkan, malah menyumbang kepada kesihatan keseluruhan tubuh. Justeru, tidak hairanlah kurma sering disarankan sebagai makanan yang sesuai

untuk berbuka puasa.

Bagi ibu mengandung yang berpuasa, memakan kurma ketika berbuka dapat membantu menambah tenaga serta menstabilkan tekanan darah. Kurma juga bermanfaat bagi mereka yang sering mengalami sembelit kerana kandungan seratnya yang tinggi.

Selain itu, kurma mengandungi antioksidan semula jadi yang membantu melindungi sel-sel tubuh daripada kerosakan dan meningkatkan sistem imun, sesuai untuk memastikan tubuh kekal sihat sepanjang Ramadan.

## Cara berbuka yang disunatkan

Amalan berbuka dengan kurma disarankan mengikut sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, iaitu dimulakan dengan satu hingga tiga biji kurma sebelum menunaikan Solat Maghrib. Selepas itu, seseorang boleh minum air suam atau susu kurma sebelum menikmati hidangan utama. Dalam era moden, kurma turut dijadikan pelbagai hidangan kreatif seperti kek kurma, biskut kurma, minuman kurma dan sebagainya. Namun, bagi memelihara sunnah, sebaiknya berbuka dimulakan dengan kurma asli sebelum menikmati hidangan lain.

## Sunnah yang membawa berkat

Berbuka dengan kurma bukan sekadar mengikut sunnah, tetapi juga membawa hikmah dari segi kesihatan dan rohani. Ia mengingatkan umat Islam tentang kepentingan memulakan sesuatu perkara dengan yang baik dan bermanfaat, selaras dengan prinsip Islam dalam menjaga kesejahteraan diri dan umat.

Selain itu, amalan ini juga menjadi penghubung antara sunnah dan kehidupan seharian, mengajak masyarakat untuk mengekalkan gaya hidup sihat secara semula jadi tanpa perlu bergantung kepada makanan olahan atau minuman manis buatan.

## Manfaat kurma

Buah kurma turut mempunyai pelbagai khasiat yang bermanfaat kepada kesihatan tubuh, antaranya ialah :

- Mengekalkan nutrien serta tenaga yang mencukupi kepada badan.
- Membantu melancarkan sistem penghadaman.
- Berupaya mengurangkan risiko penyakit kronik.
- Membantu menstabilkan paras gula dalam darah.
- Menggantikan elektrolit yang hilang dalam tubuh.
- Mempunyai sifat anti-radang yang melindungi badan daripada keradangan.
- Membantu mencegah masalah anemia.

## Kurma kurnia peribadi Kebawah DYMM

Rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam (NBD) amat bertuah apabila saban tahun menerima agihan kurma kurnia peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk berbuka puasa dalam bulan Ramadan. Pada tahun ini, sejumlah 160.2 ton metrik buah kurma jenis 'Safawy' telah diagihkan kepada seluruh rakyat dan penduduk yang beragama Islam di seluruh NBD. Kurma yang keseluruhannya berjumlah sebanyak 534,000 kotak kecil itu dibahagi-bahagikan kepada seluruh rakyat dan penduduk Islam termasuk pekerja-pekerja asing yang beragama Islam, tanpa mengira had umur dan taraf kerakyatan. Setiap penerima akan menerima satu kotak kecil kurma yang mengandungi 300 gram.

Kurnia peribadi baginda pada tahun ini bagi membolehkan semua lapisan masyarakat Islam di NBD berpeluang menikmati buah kurma kurnia peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia sebagai juadah berbuka puasa, selaras dengan kelaziman menyambut bulan Ramadan yang penuh keberkatan.

Agihan kurnia peribadi ini jelas mencerminkan sifat pemedulian serta kasih seorang raja terhadap rakyat dan penduduknya. Ia bukan sahaja membawa kegembiraan kepada penerima, malah turut menyemarakkan lagi suasana Ramadan yang penuh keberkatan dan kesyukuran. Rakyat menzahirkan rasa setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah DYMM atas kurnia ini serta merakamkan doa semoga baginda sentiasa berada di bawah pemeliharaan dan perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala, sihat sejahtera dan kekal karar memerintah NBD di bawah petunjuk dan inayah Allah Subhanahu Wata'ala jua. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala membalas segala pemedulian dan sedekah jariah baginda dan kerabat baginda dengan balasan kebaikan duniawi dan ukhrawi.

## Penutup

Memulakan berbuka puasa dengan kurma adalah amalan yang penuh keberkatan. Ia bukan sahaja menepati sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, malah memberikan manfaat kesihatan yang besar. Dengan mengambil sedikit kurma sebelum menikmati hidangan lain, umat Islam dapat menyeimbangkan tenaga, meningkatkan sistem pencernaan dan mengekalkan kesihatan tubuh sepanjang bulan Ramadan.

Oleh itu, marilah kita menjadikan sunnah berbuka dengan kurma sebagai amalan harian, tidak hanya di bulan Ramadan tetapi sebagai penghayatan nilai sunnah dalam kehidupan seharian yang penuh keberkatan dan rahmat.



# HUJAN LEBAT CETUS GEGARAN ALIRAN LUMPUR HAMPIR EMPAT JAM DI GUNUNG SEMERU



**JAKARTA, 26 Feb.** - Gegaran aliran lumpur akibat hujan dari Gunung Semeru di Jawa Timur direkodkan selama hampir empat jam susulan hujan lebat pada Khamis.

Pegawai Pos Pemerhatian Gunung Semeru Sigit Rian Alfian berkata gegaran berpanjangan itu, yang berpunca daripada hujan lebat membawa bahan gunung berapi longgar seperti abu, pasir dan batu

menuruni cerun gunung, dikesan semasa pemantauan pada awal pagi.

"Semasa tempoh pemerhatian pada Khamis dari 12 tengah malam hingga 6 pagi waktu tempatan, satu gegaran banjir lahar direkodkan dengan amplitud 17 milimeter dan tempoh 13,304 saat atau tiga jam 42 minit," katanya menurut Agensi Berita ANTARA pada Khamis.

Aliran lumpur akibat hujan, yang juga dikenali sebagai lahar, boleh bergerak pantas di sepanjang sungai dan lembah walaupun tanpa letusan baharu.

"Pemerhatian visual menunjukkan gunung berapi itu diliputi kabus. Tiada asap kawah diperhatikan. Cuaca mendung hingga hujan, dengan angin lemah hingga kencang bertiep ke arah utara dan timur laut," kata Sigit.

Gunung Semeru, gunung tertinggi di Pulau Jawa, kekal di bawah pemantauan rapi pihak berkuasa. - ©BERNAMA

## Republik Rakyat China seru penyelesaian krisis Ukraine secara damai

**BEIJING, 25 Feb.** - Masyarakat antarabangsa perlu mewujudkan suasana yang kondusif bagi menyelesaikan krisis Ukraine menerusi saluran politik, manakala Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNGA) diharap memainkan peranan konstruktif dalam menyatukan konsensus keamanan dalam kalangan negara anggota.

Perkara itu dinyatakan oleh Konsul Misi Tetap Republik Rakyat China ke

PBB, Teng Fei ketika menyampaikan ucapan susulan pengundian draf resolusi "Menyokong Keamanan Berkeadilan di Ukraine" pada Sidang Khas Tergempar Perhimpunan Agung pada Isnin.

Beliau berkata Republik Rakyat China menggalakkan dan menyokong segala usaha ke arah mewujudkan keamanan, selain menyeru pihak terlibat supaya mengekalkan momentum positif dan membina konsensus bagi mencapai

perjanjian damai yang komprehensif, berkeadilan dan mengikat.

Menurut beliau, struktur keselamatan Eropah yang lebih seimbang, berkesan, dan mampan perlu diwujudkan bagi mencapai keamanan berkeadilan di benua itu.

Perhimpunan Agung PBB meluluskan resolusi "Menyokong Keamanan Berkeadilan di Ukraine" dengan 107 undi menyokong, 12 menentang dan 51 berkecuali pada Isnin. - ©BERNAMA

## Aruwin kutip pengalaman tidak ternilai di Milano Cortina 2026

**KUALA LUMPUR, 25 Feb.** - Atlet ski alpine negara Aruwin Salehuddin mencuri tumpuan apabila mengangkat reputasinya sebagai atlet terbaik Asia dalam acara slalom wanita di temasya Sukan Olimpik Musim Sejuk Milano Cortina 2026 di Itali baru-baru ini.

Namun, di sebalik pencapaian membanggakan itu, beliau akur bahawa untuk benar-benar menembusi kelompok elit dunia, kepantasan semata-mata belum memadai.

Atlet berusia 22 tahun itu berkata penguasaan cerun pada penampilan akan datang termasuk edisi 2030 di Pergunungan Alps Perancis kelak, tentunya menuntut kekuatan mental yang lebih ampuh dan konsisten.

"Sudah tentunya saya perlu memperkukuh kekuatan mental. Keyakinan itu sudah meningkat sebelum acara *giant* slalom, tetapi saya perlu membawa momentum sama ke acara slalom dan ia tidak menjadi seperti yang saya harapkan," katanya kepada Bernama.

Di Pusat Ski Alpine Tofane, Aruwin menamatkan perlumbaan dengan catatan satu minit 54.82 saat (s) untuk menduduki tempat ke-44 daripada 53 pelumba yang berjaya menamatkan kedua-dua larian.

Aksinya memperlihatkan

peningkatan ketara apabila menamatkan larian pertama di kedudukan ke-54 dengan 55.09 saat sebelum bangkit memperbaiki kedudukan dengan melonjak 10 anak tangga pada larian kedua dengan masa direkodkan 59.73s

Pencapaian itu menebus kekecewaannya apabila gagal menamatkan perlumbaan pada penampilan pertamanya di Beijing 2022.

Lebih membanggakan, pencapaian itu meletakkan Aruwin sebagai pemain ski kedua terbaik Asia dalam acara itu, di belakang Piera Hudson dari Emiriah Arab Bersatu (UAE) yang menduduki tempat ke-39 dengan catatan 1:49.67s.

Sebelum itu, Aruwin menempuh detik sukar apabila tidak berjaya menamatkan saingan *giant* slalom wanita di gelanggang sama, yang juga acara pertamanya pada edisi 2026.

"Saya berdepan detik cemas dan melakukan kesilapan dalam kedua-dua larian, namun berbangga kerana mampu bertahan dan terus berjuang hingga garisan penamat. Sudah tentu saya mengimpikan larian lebih kemas dan lebih pantas.

"Saya agak kecewa dengan prestasi ski selepas larian pertama, tetapi berjaya menamatkan larian kedua memberikan kelegaan besar dan saya gembira kerana mampu

menduduki tempat ke-44 untuk Malaysia dalam acara slalom," katanya.

Bukan sahaja menguatkan mental, beliau kini menumpukan perhatian kepada penguasaan teknik lebih kompleks bagi menghadapi laluan yang semakin mencabar pada masa hadapan.

Aruwin turut berkongsi keterujaannya beraksi di Pusat Ski Alpine Tofane dan menyifatkan venue itu sebagai impian setiap pemain ski, walaupun keadaan salji menguji ketahanan fizikal dan mentalnya.

"Tofane memang cerun yang menyeronokkan untuk acara slalom, walaupun keadaan salji sedikit mencabar pada larian kedua.

"Saya rasa cerun ini benar-benar sempurna untuk acara *giant* slalom, walaupun saya hanya sempat menamatkan separuh jalan dan berharap dapat pergi lebih jauh," katanya.

*Venue* bersejarah itu yang pernah menjadi tuan rumah acara ski alpine pada edisi 1956, terkenal dengan laluan ski paling ikonik di dunia membabitkan laluan sepanjang 2,560 meter dengan penurunan sekitar 750 meter itu.

Temasya Milano Cortina 2026 yang bermula 6 Feb, telah menutup tirai pada 22 Feb lepas. - ©BERNAMA

## Kebakaran di Lapangan Terbang Cape Town lumpuhkan penerbangan, paksa pemindahan

**CAPE TOWN, 25 Feb.** - Kebakaran di Cape Town International Airport pada Selasa menghentikan penerbangan antarabangsa dan mencetuskan pemindahan sebagai langkah berjaga-jaga melibatkan penumpang serta kakitangan, menurut pihak berkuasa, lapor Agensi Berita Xinhua.

Kebakaran berlaku di bahagian luar lapangan terbang dan mengganggu beberapa perkhidmatan termasuk sebahagian rangkaian Teknologi Maklumat (IT).

Pihak berkuasa memaklumkan api berjaya dikawal kemudian, namun insiden itu memaksa penumpang dan kakitangan di kawasan terjejas dipindahkan sebagai langkah berjaga-jaga.

"Lapangan terbang mengesahkan

yang satu kebakaran berlaku di bahagian luar lapangan terbang," menurut Airports Company South Africa (ACSA) dalam satu kenyataan. "Kebakaran berjaya dipadamkan dan semua penumpang, kakitangan serta pelawat berada dalam keadaan selamat. Keselamatan penumpang kekal keutamaan kami".

"Kami memahami yang insiden ini mungkin menimbulkan kebimbangan dan kami menggesa semua penumpang serta pelawat agar mematuhi arahan keselamatan dan menuju ke lokasi selamat yang ditetapkan seperti diarahkan oleh kakitangan lapangan terbang," menurut kenyataan itu lagi.

Menurut ACSA, insiden tersebut menjejaskan beberapa perkhidmatan IT. "Sebagai langkah

berjaga-jaga, pelepasan penerbangan antarabangsa digantung sementara dan penerbangan antarabangsa yang masuk dilencongkan. Penerbangan antarabangsa yang mendarat sedang diproses".

Pihak berkuasa lapangan terbang turut menasihatkan penumpang domestik agar menyepak terus dengan syarikat penerbangan masing-masing dan aplikasi mudah alih syarikat bagi mendapatkan maklumat terkini penerbangan.

"Maklumat lanjut akan dikongsikan dari semasa ke semasa. Kami mengucapkan terima kasih atas kesabaran dan kerjasama penumpang serta pihak berkepentingan," menurut ACSA. - ©BERNAMA

## Pelabuhan Shanghai terima kapal persiaran antarabangsa pertama pada tahun kuda

**SHANGHAI, 26 Feb.** - Kapal persiaran 'Westerdam' milik syarikat Holland America Line berlabuh di Pelabuhan Kapal Persiaran Antarabangsa Wusongkou Shanghai pada pukul 7 pagi Rabu, sekali gus menjadi kapal persiaran antarabangsa pertama yang melawat bandar raya itu pada Tahun Kuda.

Kapal yang membawa lebih 1,900 pelancong dari lebih 40 negara itu berlepas dari Busan dan dijadual meneruskan perjalanan ke Hong Kong pada Khamis.

Lebih 95 peratus penumpang kapal berkenaan merupakan warga asing, dengan hampir 90 peratus daripada mereka memasuki Republik Rakyat China melalui kemudahan dasar bebas visa.

Bagi menyambut ketibaan pengembara asing dalam jumlah besar, Stesen Pemeriksaan Sempadan Pujiang mengambil beberapa langkah seperti menambah kakitangan dan menggunakan analisis data besar untuk meningkatkan kecekapan urusan pelepasan imigresen.

Selain itu, Pelabuhan Kapal Persiaran Antarabangsa Wusongkou turut mengadakan persembahan dan pameran warisan budaya tidak ketara bagi membolehkan pelancong merasai suasana sambutan Tahun Baharu Cina. - ©BERNAMA

## Republik Indonesia gesa EU patuhi keputusan WTO bagi pulihkan akses pasaran minyak sawit

**JAKARTA, 25 Feb.** - Republik Indonesia menggesa Kesatuan Eropah (EU) supaya segera mematuhi keputusan panel Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) tahun lepas berhubung pertikaian minyak sawit bagi memulihkan akses pasaran produk minyak sawit negara itu.

Menteri Perdagangan Budi Santoso berkata Selasa (24 Februari) menandakan berakhirnya tempoh pelaksanaan 12 bulan atau tempoh masa munasabah (RPT) yang diberikan kepada EU untuk menyesuaikan dasar dan peraturannya agar selaras dengan peruntukan WTO susulan keputusan panel berkenaan.

"Kami menggesa EU supaya segera mematuhi keputusan panel WTO agar akses pasaran produk minyak sawit Indonesia ke EU dapat dipulihkan dengan segera," katanya dalam satu kenyataan pada Rabu.

Budi menjelaskan keputusan WTO pada 10 Januari 2025 mendapati dasar EU mendiskriminasi produk biofuel berasaskan minyak sawit Republik Indonesia berbanding produk biofuel yang dihasilkan di EU dan negara lain, sekali gus memberikan kejelasan undang-undang bahawa dasar itu melanggar prinsip tanpa diskriminasi WTO.

Bagaimanapun, dalam mesyuarat berkala Badan Penyelesaian Pertikaian WTO pada 27 Januari, EU melaporkan pelarasan dasarnya bagi mematuhi keputusan WTO masih belum dimuktamadkan.

Oleh itu, beliau berkata kerajaan Republik Indonesia telah menyediakan pelbagai langkah susulan dan bersedia membuka dialog dengan EU bagi memastikan kesediaan dari aspek perundangan dan teknikal.

Budi berkata kerajaan akan terus memantau dan menilai langkah pelarasan EU, khususnya yang berkaitan dengan dasar Perubahan Guna Tanah Tidak Langsung (ILUC) di bawah Arahan (EU) 2018/2001 atau Arahan Tenaga Boleh Diperbaharui II, bersama-sama dengan peraturan pelaksanaannya.

Menurut beliau, pendekatan itu mencerminkan komitmen Republik Indonesia dalam melindungi kepentingan negara di samping mengekalkan akses pasaran yang mampan bagi produk minyak sawitnya ke EU.

"Indonesia menyokong agenda kelestarian global dan peralihan tenaga. Namun, dasar kelestarian tidak boleh digunakan sebagai asas untuk melaksanakan langkah yang bertentangan dengan prinsip asas tanpa diskriminasi dalam sistem perdagangan pelbagai hala," tambahnya. - ©BERNAMA

## Juruterbang maut selepas jet pejuang F-16 Turkiye terhempas di Balikesir

**WASHINGTON, 25 Feb.** - Sebuah jet pejuang F-16 milik Turkiye terhempas di wilayah Balikesir, barat negara itu pada awal Rabu, mengorbankan seorang juruterbang, menurut Kementerian Pertahanan seperti dilaporkan Anadolu Ajansi.

Kementerian Pertahanan dalam satu kenyataan memaklumkan hubungan radio dan maklumat penjejakan dengan pesawat berkenaan terputus selepas ia berlepas dari Markas Pemerintahan Pangkalan Jet Utama Ke-9 di Balikesir pada 12.56 tengah malam waktu tempatan (2156 GMT Selasa).

Menurut Kementerian itu, operasi mencari dan menyelamatkan segera dilancarkan dan bangkai pesawat kemudiannya berjaya ditemukan.

"Juruterbang kami terkorban. Punca nahas akan ditentukan selepas siasatan oleh pasukan pemeriksaan nahas dijalankan," menurut Kementerian itu sambil merakamkan ucapan takziah kepada keluarga juruterbang. Gabenor Balikesir Ismail Ustaoglu turut merakamkan ucapan takziah kepada keluarga juruterbang. - ©BERNAMA



## MEMPERKUKUH PENCEGAHAN DAN KAWALAN KEBAKARAN HUTAN, PADANG RUMPUT

BEIJING, 27 Feb. - Republik Rakyat China sedang meningkatkan usaha untuk mencegah kebakaran hutan dan padang rumput memandangkan

cuaca ekstrem menjadi lebih kerap, meningkatkan risiko kebakaran di seluruh negara, kata Kementerian Pengurusan Kecemasan (MEM) pada Jumaat.

Peningkatan suhu musim bunga dan jumlah hujan di bawah purata, digabungkan dengan aktiviti luar

seperti pertanian musim bunga dan aktiviti rekreasi, telah meningkatkan tekanan kawalan kebakaran, kata Yang Xudong, seorang pegawai MEM, pada sidang akhbar.

Pihak berkuasa akan memperketat tanggungjawab kerajaan tempatan dan menggesa pengendali hutan dan padang rumput untuk menambah baik infrastruktur pencegahan kebakaran dan meluaskan liputan rondaan, sambil melaksanakan kawalan yang lebih disasarkan ke atas sumber kebakaran luar, kata

Yang.

Bagi meningkatkan keupayaan pengesanan awal dan tindak balas, Republik Rakyat China akan terus mengoptimalkan lagi sistem amaran bersepadu yang menggabungkan pemerhatian satelit, rondaan udara dan pemeriksaan darat, serta mengeluarkan maklumat amaran awal dengan tepat pada masanya.

Republik Rakyat China telah berusaha secara berterusan untuk melindungi sumber hutan dan padang rumputnya dalam beberapa tahun kebelakangan ini.

Pada tahun 2025, sejumlah 226 kebakaran sedemikian telah dilaporkan di seluruh negara, tahap terendah yang pernah direkodkan, menurut MEM.

Sebagai sebahagian daripada usaha yang lebih luas untuk mengalihkan tadbir urus ke arah pendekatan pencegahan proaktif dan berasaskan risiko, negara itu tahun lalu memperkenalkan peraturan mengenai pencegahan dan kawalan kebakaran hutan dan padang rumput, yang mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2026. - ©XINHUA



GAMBAR dron udara yang diambil pada 28 November 2025 menunjukkan pelancong melawat taman hutan negara Yushan di Bandar Changshu, Wilayah Jiangsu, timur Republik China.

## Washington tawar US\$10 juta berkas pemimpin Kartel Sinaloa

WASHINGTON, 27 Feb. - Amerika Syarikat (AS) menawarkan ganjaran sehingga US\$10 juta bagi maklumat yang membawa kepada penangkapan atau sabitan pemimpin Kartel Sinaloa di Mexico, kata jurucakap Jabatan Negara Tommy Pigott pada Khamis, lapor Sputnik/RIA Novosti.

"Hari ini [26 Februari], Biro Dadah dan Penguatkuasaan Undang-Undang Antarabangsa Jabatan Negara AS mengumumkan tawaran ganjaran di bawah Program Ganjaran Dadah (NRP) sehingga US\$5 juta bagi setiap maklumat yang membawa kepada penangkapan dan/atau

sabitan, di mana-mana negara, bagi Ketua Plaza Tijuana Kartel Sinaloa Rene Arzate-Garcia, juga dikenali sebagai 'La Rana', dan abangnya, Alfonso Arzate-Garcia, juga dikenali sebagai 'Aguiles'," menurut kenyataan itu.

Kedua-dua beradik itu didakwa mengawal kumpulan Tijuana Kartel Sinaloa selama kira-kira 15 tahun. Pada 2023, kedua-duanya disenarai oleh AS atas penglibatan mereka dalam perdagangan dadah haram global.

Jabatan Kehakiman turut mendakwa Rene Arzate-Garcia dengan dadah dan keganasan, menjalankan perusahaan jenayah

berterusan, memberi sokongan material kepada organisasi pengganas asing, konspirasi pengedaran dadah antarabangsa, dan pengubahan wang haram.

Tawaran ganjaran itu diselaraskan dengan Bahagian San Diego Pentadbiran Penguatkuasaan Dadah (DEA) dan Pejabat Peguam AS bagi Daerah Selatan California.

Pada Februari 2025, Setiausaha Negara AS Marco Rubio mengumumkan Washington menyenarai lapan kartel sebagai Organisasi Pengganas Asing, termasuk Kartel Sinaloa, MS-13, dan Tren de Aragua. - ©BERNAMA

## Bolivia rekod kematian kelima akibat Chikungunya

LA PAZ, 27 Feb. - Bolivia merekodkan kematian kelima wabak Chikungunya di bahagian timur Santa Cruz dan jangkitan virus itu terus meningkat, lapor Jabatan Perkhidmatan Kesihatan pada Khamis, lapor Xinhua.

Pengarah jabatan itu Julio Cesar Koca berkata 901 kes baharu dilaporkan pada minggu epidemiologi lepas menandakan keluk epidemiologi belum mencapai kemuncaknya.

Menurut Koca sebanyak 3,938 kes disahkan setakat tahun ini. Kemuncak wabak itu mungkin berlaku dalam masa kira-kira tiga minggu jika hujan, yang menggalakkan pembiakan nyamuk, reda.

Amaran merah untuk wabak berkenan berkuat kuasa pada 9 Februari selepas kematian pertama akibat penyakit itu disahkan.

Susulan itu, brigid kesihatan mempergiat kerja - kerja

mengasap dan menghapuskan tempat pembiakan nyamuk di kawasan kejiranan bandar dan pinggir bandar melibatkan 27 majlis perbandaran di kawasan yang terjejas.

Demam chikungunya ialah penyakit disebabkan virus yang disebarkan oleh nyamuk aedes aegypti, dan ia menyebabkan demam panas secara tiba-tiba, sakit sendi serta otot yang teruk, sakit kepala dan keletihan. - ©BERNAMA

## 25 ditahan selepas polis Australia tumpaskan sindiket dadah

SYDNEY, 27 Feb. - Polis di Queensland, Australia menahan 25 orang dan mendakwa mereka dengan ratusan kesalahan selepas menumpaskan satu sindiket pengedaran dadah utama.

Dalam kenyataan pada Jumaat, Perkhidmatan Polis Queensland (QPS) memaklumkan tangkapan itu dibuat susulan operasi selama sembilan bulan yang menyasarkan sindiket pembekalan dadah yang telah lama beroperasi di dalam dan sekitar bandar Gladstone, lebih 400

kilometer utara Brisbane.

Semasa pemeriksaan menyeluruh di dua kediaman dan kawasan belukar berdekatan, polis dipercayai menemui dan merampas lebih 160 kilogram (kg) ganja, 7.5 kg metamfetamina dan 300 gram kokain.

Menurut QPS keseluruhan dadah yang dirampas bernilai melebihi AUD3 juta (kira-kira USD2.13 juta).

Selain dadah, polis dipercayai turut merampas wang tunai lebih AUD1 juta, pelbagai kenderaan dan

aset lain.

Kesemua 25 suspek didakwa atas gabungan 235 kesalahan termasuk 11 orang didakwa mengedar dadah berbahaya.

Detektif Sarjan Kanan Brett Richard iaitu pegawai yang bertanggungjawab bagi Cawangan Siasatan Jenayah (CIB) Gladstone berkata polis yakin operasi selama sembilan bulan itu berjaya membongkar sindiket dadah yang telah bertapak kukuh. - ©BERNAMA

## Kumpulan pertama tentera bahagian pasukan penstabil mungkin tiba di Gaza pada April

MOSCOW, 27 Feb. - Kumpulan pertama tentera di bawah Pasukan Penstabilan Antarabangsa (ISF) dijangka ditempatkan di Semenanjung Gaza pada awal April, menurut portal berita Asharq Al-awsat yang memetik Bishara Bahbah, perantara Amerika Syarikat (AS) dalam rundingan dengan Hamas, lapor Sputnik/RIA Novosti.

"Setakat yang saya tahu, kumpulan pertama tentera sebagai sebahagian daripada pasukan ini akan memasuki Gaza pada awal April, dan kontinjen lebih besar akan ditempatkan pada bulan berikutnya," kata Bahbah pada Khamis.

Beliau juga menyatakan harapan bahawa dengan penempatan kontinjen antarabangsa di Gaza, pelanggaran gencatan senjata oleh Israel akan berakhir.

Tambahnya, Jawatankuasa Nasional bagi Pentadbiran Gaza yang baru ditubuhkan, juga akan dapat memasuki enklaf itu selepas pasukan penstabil tiba, memandangkan akan menerima jaminan keselamatan yang diperlukan.

Menurut Bahbah, tentera Indonesia akan ditempatkan terutamanya di selatan enklaf, manakala unit dari negara lain akan bertanggungjawab ke atas kawasan lain di Gaza.

Pasukan Penstabilan Antarabangsa dijangka terdiri daripada kira-kira 20,000 anggota tentera dan 12,000 pegawai polis dari negara yang menyertai Lembaga Keamanan Gaza.

Bandar Rafah di selatan Semenanjung Gaza mungkin menjadi kawasan penempatan awal misi tersebut. - ©BERNAMA

## 2 maut dalam kejadian runtuh salji di utara Itali

ROM, 27 Feb. - Dua orang maut dalam kejadian runtuh salji di kawasan pergunungan Alps Itali pada Rabu selepas kepingan salji besar runtuh di Wilayah Valtellina, berhampiran sempadan Switzerland, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Memetik perkhidmatan penyelamat gunung pada Rabu, media tempatan melaporkan mangsa yang maut merupakan seorang wanita berusia 28 tahun dan seorang lelaki berusia 33 tahun, yang mana kedua-duanya menetap di Itali.

Risiko runtuh salji di pergunungan Alps telah meningkat sejak beberapa minggu lepas.

Pihak berkuasa tempatan di Austria, Perancis, Switzerland serta Itali melaporkan beberapa kematian akibat runtuh salji dan menasihatkan orang ramai supaya lebih berwaspada ketika melakukan aktiviti sukan di kawasan pergunungan.

Pihak berkuasa tempatan di Austria, Perancis, Switzerland serta Itali melaporkan beberapa kematian akibat runtuh salji dan menasihatkan orang ramai supaya lebih berwaspada ketika melakukan aktiviti sukan di kawasan pergunungan. - ©BERNAMA

## Lebih 40 orang diselamatkan daripada banjir kilat di Sydney

SYDNEY, 27 Feb. - Pihak berkuasa menyelamatkan lebih 40 orang pada malam Khamis selepas hujan lebat melanda Sydney, sehingga menyebabkan banjir kilat dan gangguan bekalan elektrik, lapor Xinhua.

Perkhidmatan Kecemasan Negeri New South Wales (NSW SES) menyatakan bahawa ia telah menjalankan 42 operasi menyelamatkan banjir di tengah dan barat Sydney dari malam Khamis hingga pagi Jumaat.

NSW SES memaklumkan bahawa ia menerima 495 panggilan bantuan di metropolitan Sydney selepas beberapa kawasan pinggir bandar mencatatkan taburan hujan melebihi 100 milimeter (mm) dalam tempoh tiga jam.

Banjir kilat itu mengakibatkan penutupan jalan utama dan gangguan bekalan elektrik yang menjejaskan ribuan hartanah.

Biro Meteorologi (BoM) meramalkan ribut petir akan berterusan di seluruh Sydney sepanjang hari Jumaat, yang membawa sehingga 70mm taburan hujan. - ©BERNAMA

# FOKUS • • UKAN!



## Kekal aktif bersukan di bulan Ramadan

**B**ULAN Ramadan merupakan bulan yang penuh keberkatan dan peluang untuk memperbaiki diri, bukan sahaja dari segi rohani tetapi juga fizikal. Walaupun umat Islam berpuasa dari terbit fajar hingga terbenam matahari, ini bukan alasan untuk meninggalkan aktiviti fizikal sepenuhnya. Dengan perancangan yang betul, bersukan di bulan Ramadan boleh dilakukan secara selamat dan memberi banyak manfaat.

Ramai yang beranggapan bahawa berpuasa akan menyebabkan tubuh menjadi lemah dan tidak bertenaga. Hakikatnya, tubuh manusia mempunyai sistem penyimpanan tenaga yang mencukupi untuk menjalani aktiviti harian seperti biasa. Apa yang penting ialah cara kita mengurus tenaga tersebut. Dengan pemakanan yang seimbang ketika Sahur dan bersungai, serta jadual aktiviti yang tersusun, seseorang individu mampu kekal cergas sepanjang hari.

Dalam hal ini, Sahur memainkan peranan yang amat penting dalam memastikan badan mempunyai tenaga yang mencukupi. Pengambilan makanan yang tinggi serat seperti oat, roti gandum dan buah-buahan dapat membantu mengekalkan rasa kenyang lebih lama. Protein seperti telur, ayam pula membantu membina dan memulihkan tisu badan. Selain itu, pengambilan air yang mencukupi ketika Sahur amat penting bagi mengelakkan dehidrasi pada siang

hari. Mengurangkan makanan yang terlalu masin dan manis juga dapat membantu mengawal rasa dahaga.

Kenapa bersukan di bulan puasa sangat bagus? Kerana apabila perut kosong, badan tidak ada gula dari makanan untuk dibakar jadi tenaga. Jadi, badan terpaksa 'curi' lemak yang tersimpan di dalam perut atau lengan kita untuk dijadikan tenaga. Ini sangat berkesan untuk siapa yang ingin turunkan berat badan.

Apa yang penting adalah kesesuaian masa untuk bersukan di bulan Ramadan. Jangan paksa diri bersukan di tengah panas terik jam 12 tengah hari. Terdapat tiga waktu 'emas' yang disarankan iaitu 45 - 60 minit sebelum berbuka kerana ini adalah waktu paling popular. Awda membakar lemak dengan optimum, dan sebaik sahaja sesi tamat, awda boleh terus menghidratkan badan dan makan.

Selain itu ialah selepas Sembahyang Sunat Tarawih, Waktu ini terbaik untuk senaman intensiti tinggi kerana badan sudah mempunyai tenaga daripada juadah berbuka dan air yang cukup.

Ada juga yang menyarankan bersukan selepas Sahur atau sebelum Subuh kerana ia sesuai untuk senaman ringan seperti regangan atau jalan kaki bagi membangkitkan tenaga sebelum memulakan hari kerja.

Bersukan di bulan Ramadan juga bukan masanya untuk mengejar rekod peribadi atau

latihan maraton. Jika individu tersebut biasanya berlari dengan kejauhan 10 kilometer (km), kurangkan kepada 5km atau tukar kepada berjalan laju (*brisk walking*) iaitu pengurangan 30 peratus - 50 peratus.

Dalam pada itu juga, individu tersebut perlu fokus pada kekuatan iaitu gunakan berat bebanan yang lebih ringan dengan repetisi yang terkawal untuk mengekalkan jisim otot tanpa membebankan sistem saraf.

Selain itu, faktor mental juga memainkan peranan penting. Ramadan melatih seseorang untuk lebih berdisiplin dan sabar. Seseorang itu boleh mengambil peluang ini untuk memperkukuh kekuatan mental, daya tahan dan fokus. Semangat berpasukan juga boleh dipertingkatkan melalui latihan bersama yang disesuaikan dengan keadaan berpuasa.

Lebih mustahak lagi, walaupun awda mempunyai

**Oleh : Muhammad Khairulanwar Ali Rahman  
Ilustrasi : Mohammad Ike Iqrami Haji Suhaimi**

sasaran kecergasan, kesihatan adalah keutamaan. Jika berasa pening yang melampau, gelap mata, atau sesak nafas, berhenti serta-merta dan jangan malu untuk berehat. Bersukan di bulan Ramadan adalah tentang konsistensi, bukan tentang siapa yang paling kuat.

Bersukan di bulan Ramadan bukan sahaja boleh dilakukan, malah digalakkan jika dilakukan

dengan bijak dan sederhana. Kunci utamanya ialah memahami kemampuan diri, memilih waktu yang sesuai, dan memastikan pengambilan nutrisi yang mencukupi. Dengan keseimbangan antara ibadah dan penjagaan kesihatan, Ramadan boleh menjadi bulan untuk memperkukuh bukan sahaja iman, tetapi juga kecergasan tubuh badan.





## AKTIVITI BERSENAM PERLU DISESUAIKAN KETIKA DI BULAN RAMADAN



WAKTU dan intensiti senaman adalah faktor penting bagi memastikan ibadah puasa dapat dilaksanakan dengan sempurna tanpa menjejaskan kesejahteraan tubuh badan. Semasa berpuasa, antara waktu yang sesuai untuk bersenam ialah sama ada ketika hampir dengan waktu berbuka atau selepas menunaikan Sembahyang Sunat Tarawih (atas dan bawah kanan).

Oleh : Marlinawaty Hussin  
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 27 Februari. - Bulan Ramadan memberi peluang kepada umat Islam untuk memperkukuh keimanan serta mendidik jiwa ke arah kebaikan. Dalam bulan yang penuh keberkatan ini, umat Islam bukan sahaja diuji dari segi ketahanan rohani, tetapi juga keupayaan

fizikal sepanjang melaksanakan ibadah puasa dan aktiviti harian. Ketika berpuasa, rutin harian termasuk aktiviti bersenam perlu disesuaikan agar kesihatan dan kecergasan kekal terpelihara. Waktu dan intensiti senaman adalah faktor penting bagi memastikan ibadah puasa dapat dilaksanakan dengan sempurna

tanpa menjejaskan kesejahteraan tubuh badan.

Oleh itu, aktiviti bersenam ketika berpuasa hendaklah dilakukan secara sederhana dan terkawal.

Walaupun aktiviti fizikal yang konsisten membantu mengekalkan kesihatan kardiovaskular, mengawal berat badan serta mengurangkan tekanan, tubuh yang tidak menerima makanan dan minuman

dalam tempoh yang panjang memerlukan pendekatan berbeza berbanding hari-hari biasa.

Kekurangan cecair dan tenaga boleh meningkatkan risiko dehidrasi, keletihan melampau serta kecederaan otot sekiranya senaman dilakukan tanpa perancangan.

Semasa berpuasa, antara waktu yang sesuai untuk bersenam ialah sama ada ketika hampir dengan waktu berbuka atau selepas menunaikan Sembahyang Sunat Tarawih.

Melakukan senaman ringan hingga sederhana kira-kira 30 hingga 60 minit sebelum berbuka memberi kelebihan kerana tubuh dapat menggantikan tenaga dan cecair yang hilang dengan segera sebaik sahaja Azan Maghrib berkumandang.

Dalam situasi ini, individu disarankan memilih aktiviti berimpak rendah seperti berjalan pantas, berbasikal santai atau senaman regangan bagi mengelakkan keletihan keterlaluan.

Selepas berbuka puasa, tubuh memerlukan sedikit masa untuk

menghadam makanan sebelum melakukan pergerakan aktif.

Justeru, senaman selepas Sembahyang Sunat Tarawih sering menjadi pilihan kerana keadaan perut yang lebih selesa dan tahap tenaga yang telah dipulihkan.

Walau bagaimanapun, intensiti latihan tetap perlu dikawal agar tidak mengganggu waktu rehat malam yang penting untuk pemulihan tubuh.

Selain itu, pemakanan sihat dan pengambilan air yang mencukupi khususnya antara waktu berbuka dan sahur memainkan peranan penting dalam menyokong aktiviti fizikal sepanjang bulan Ramadan.

Hidangan sahur yang seimbang dengan kandungan karbohidrat kompleks, protein dan serat membantu membekalkan tenaga berpanjangan sepanjang hari.

Bagi mengelakkan sebarang komplikasi, setiap individu wajar peka terhadap isyarat tubuh semasa bersenam seperti rasa pening, keletihan melampau atau kekejangan otot.

## Barisan skuad baharu untuk pecut berpasukan di ACC 2026 - Beasley

**KUALA LUMPUR,** 27 Feb. - Kem berbasikal negara akan dibarisi skuad baharu bagi acara pecut berpasukan lelaki pada Kejohanan Berbasikal Trek Asia (ACC) yang akan berlangsung di Tagaytay City Velodrome, bandar Tagaytay di Republik Filipina dari 25 hingga 31 Mac ini.

Pengarah teknikal skuad berbasikal trek negara John Beasley berkata barisan jurulatih telah melakukan pemilihan atlet yang bersedia untuk memburu pingat pada kejohanan berprestij itu.

"Ya, kami telah mengadakan pemilihan untuk skuad negara. Akan ada skuad baharu dalam acara pecut berpasukan pada ACC dan mungkin juga semasa Piala Dunia.

"Persaingan sihat dengan muka baharu mencabar pelumba yang ditetapkan, sekali gus menunjukkan pasukan berada dalam keadaan yang baik. Saya tidak akan dedahkan nama mereka, tetapi anda akan melihat muka baharu," katanya kepada pemberita selepas Mesyuarat Jawatankuasa Kerja (JKK) 2026 di Majlis Sukan Negara di sini, semalam.

Dalam pada itu, Beasley berkata jaguh pecut negara Datuk Mohamad Azizulhasni Awang antara yang pasti akan berada dalam barisan pelumba itu sambil dibantu oleh pelumba muda.

Pada ACC 2025, pasukan Malaysia yang dibarisi oleh Muhammad Ridwan Sahrom, Muhammad Fadhil Zonis dan

Mohd Akmal Nazimi Jusena meraih pingat gangsa.

Dalam pada itu, Beasley berkata Muhammad Shah Firdaus Sahrom dilihat semakin pulih selepas menjalani pembedahan lutut akibat kecederaan yang dialaminya sebelum ini, namun masih terdapat sedikit pengecutan otot di bahagian sekeliling lutut yang memerlukan masa untuk kembali ke tahap terbaik.

"Beliau telah pulih sepenuhnya ... keadaannya kini kira-kira 85 peratus untuk kembali kepada prestasi asal. Beliau mungkin tidak bersedia untuk Piala Dunia di Malaysia, tetapi akan kembali untuk perlawanan lebih besar hujung tahun ini," katanya. - ©BERNAMA



## Tahukah Awda

**PRODUK** kosmetik di Negara Brunei Darussalam dikawal selia oleh Peraturan Ubat (Produk Kosmetik), 2007, yang selaras dengan ASEAN Cosmetic Directive. Produk kosmetik hanya boleh dipasarkan selepas ia dimaklumkan kepada Kementerian Kesihatan melalui pengisytiharan pematuhan awal oleh pengimport atau pengilang sebelum meletakkan produk kosmetik tersebut di pasaran tempatan.

SUMBER : <https://moh.gov.bn/services/pharmacy-services>.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : [www.pelitabrunei.gov.bn](http://www.pelitabrunei.gov.bn)

BULAN RAMADAN, BULAN KEBERKATAN, KEAMPUNAN DAN RAHMAT